



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN
~~Eight~~ *Parliament*

PENGGAL KEDUA
~~Second~~ *Session*

Jilid II

Bil. 6

Hari Selasa

2hb Jun, 1992

KANDUNGAN:

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang, Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) (Ruangan 40)
- Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. (Ruangan 51)
- Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) (Soalan 76)
- Rang Undang-undang, Undang-undang keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (Ruangan 108)
- Rang Undang—Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No.2) (Ruangan 133)

MALAYSIA,

DEWAN NEGARA.

Selasa, 2hb Jun, 1992

Mesyuarat dimulakan pada, pukul 2.30 petang,

D O A

[Timbalan Yang, di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN:

PELABURAN MODAL ASING - JENIS PERINDUSTRIAN:

1. Dato' William Chek Lin Kwai minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:—

- (a) berapa jumlah modal yang telah dilabur atau ditanamkan oleh pelabur luar negeri ke negara kita, pada tahun 1991; dan
- (f) dari jumlah pelaburan ini pelabur daripada negara manakah yang terbanyak sekali dan apakah jenis perindustrian yang terlibat dalam pelaburan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh saya pada 25hb Mei, 1992 ketika dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam Awang dan Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay. Oleh yang demikian, saya tidak ada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

Tuan Johan B.O.T Ghani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Timbalan Menteri Ekonomi Taiwan melalui satu wawancara telah menyatakan bahawa Malaysia bukanlah satu tempat pelaburan modal asing yang menarik. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku dan apakah langkah-langkah ataupun tindakan Kerajaan bagi mengatasi perkara ini?

Tuan. S.S. Subramaniam Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Kementerian kita sedang menyiasat berkaitan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, dan saya rasa pada masa akan datang Yang Berhormat Menteri kita akan menjawab berkaitan dengankeseluruhanperkaraini

Tuan Dahalan bin Haji Embun Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika tidak silap anggapan saya kebanyakan barangan yang dikeluarkan oleh pelabur asing di Malaysia tidak dijual terus di pasaran tempatan kecuali melalui pengimportair semula. Ini menyebabkan harga menjadi tinggi oleh sebab kos kendalian dan cukai yang tinggi. Mengapakah barangan. ini tidak dijual terus ke pasaran tempatan untuk faedah rakyat di sini. Sebagai contohnya Golden Phoenix di Perlis mengeluarkan jeans tetapi jeans ini untuk orang. tempatanterpaksamengimportuntukmembelidipasaranMalaysia,tidakdijualterus.

Tuan S.S. Subramaniam; Tuan Yang di-Pertua, saya rasa berkaitan dengan Golden Phoenix ini saya perlu rasa untuk membuat suatu siasatan tetapi pada umumnya negara kita sedang membuat benda-benda dan bahan-bahan komponen untuk bahan-bahan keperluan pusat ataupun barang-barang yang asal itu. Oleh yang demikian, kita terpaksa lah mengeksport dan apabila dapat keseluruhannya disiapkan, barulah kita dapat balik import. barang-barang itu, Tetapi apa, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan Golden Phoenix, kita akan menyiasat.

SAHAM PROTON — PERUNTUKAN KHAS KEPADA DYMM RAJA-RAJA MELAYU DAN YANG DI-PERTUA NEGERI

2 Tuan Rahim bin Baba, minta Menteri Kewangan menyatakan-

- (a) apakah terdapat saham lain selain dari. saham PROTON yang telah diperuntukkan khas kepada Raja-raja Melayu dan kepada Yang, di-Pertua: Negeri; dan
- (b) apakah menjadi dasar Kementerian akan. membuat peruntukan-khas setiap kali adanya permohonan dari pihak istana.

Tuan Subramaniam Tuan. Yang, di-Pertua

- (a) selain dari saham PROTON, Kerajaan juga telah memperuntukkan saham-saham dari Syarikat Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga- Nasional Berhad kepada. Duli-duli. Yang Maha Mulia. Raja-raja Melayu dan Yang Di-pertua Negeri
- (b) Adalah tidak menjadi satu dasar Kerajaan untuk memperuntukkan. saham khas kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu dan. Yang Di-pertua Negeri pada setiap kali adanya permohonan dari pihak istana
Pertimbangan dibuat berdasarkan kedudukan dari semasa ke semasa. Setakat ini Raja-raja Melayu dan Yang di-Pertua Negeri telah diperuntukkan saham-saham dari syarikat-syarikat Kerajaan yang diswastakan sahaja.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, mengikut makluman yang kita perolehi bahawa saham PROTON telahpun ditawarkan kepada Kebawah -Duli Yang Maha Mulia Raja-raja disebabkan adanya salah seorang daripada raja memohon. Jadi, seorang memohon, yang lain pun dapat? Jadi, adakah layanan yang sama akan diberikan kepada Ahli Dewan. Negara, kalau ada seorang memohon, maknanya yang lain pun akan dapat. Dan kalau ya, saya ucapkan syabas, kalau tidak mengapa? Kalau mahu dikaji, berapa lama agaknya kajian ini akan dibuat?

Tuan: S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Senat dan juga daripada Dewan rakyat dianggap sebagai orang awam sahaja. Oleh yang demikian, kita akan mengkaji bersama-sama dengan permohonan rakyat di negara kita.

Datuk Haji Ahmad bin Abdullah Tuan Yang di-Pertua, benarkah saham PROTON ada ditawarkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan tetapi baginda menolaknya? Kalau benar Baginda menolaknya, apakah sebabnya Sultan Kelantan menolak saham PROTON yang diperuntukkan kepadanya?

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian telah memperuntukkan sebahagian saham kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan tetapi seperti yang telah diutuskan di dalam surat-surat khabar, Duli Yang Maha Mulia telahpun menolak saham ini. Mengenai sebab penolakan itu, saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormat semestinya faham dan saya rasa tidak payah untuk saya mengumumkan di sini apakah sebabnya Baginda menolak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, masalah ini saya rasa kalau semua ada di dalam surat khabar, mesti disebutkan di dalam Dewan ini, kalau ada sebab-sebabnya. Oleh sebab Yang Berhormat itu tidak tahu, sebab itulah dia bertanya barangkali.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jika Yang di-Pertua berkehendakkan sebab Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan telah menolak saham ini dan berkaitan dengan perkara ini, saya rasa Duli Yang Maha Mulia bimbang perkara ini boleh dipersoalkan di dalam kempen-kempen pilihanraya yang akan datang.

TANAH SIMPANAN ORANG ASLI - PENGLIBATAN FELCRA

3 Tuan Itam Wali bin Nawan minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) adakah projek Kendalian Lembaga. Penyatuan dan Pemulihan- Tanah Negara (FELCRA) diaplikasikan kepada kawasan Orang Asli dan.
- (b) jika ada jumlah projek oleh FELCRA terhadap Orang Asli sehingga tahun 1992 mengikut tempat dan negeri

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato Mohamed bim Jamrah] ; Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penglibatan FELCRA dalam memajukan tanah simpanan Orang Asli telah bermula pada tahun 1976 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan FELCRA telah bersama-sama, berganding bahu dalam membangunkan projek-projek yang terdiri dari Rancangan Penempatan Semula (RPS) dan Rancangan Orang Asli (ROA).
- (b) Dari tahun 1976 sehingga sekarang seluas 11,129 hektar telah dibangun dan dimajukan dan meliputi sebanyak 46 buah projek di negeri-negeri di mana terdapatnya tanah simpanan Orang Asli.

Dari jumlah tersebut 4,711 hektar adalah dari jenis projek Rancangan Penempatan Semula (RPS) sementara 6,418-hektar adalah dari jenis Rancangan Orang Asli (ROA). Projek-projek tersebut yang ditanam dengan getah dan kelapa sawit terletak di tempat-tempat berikut:-

- (i) Kelantan - 2 projek iaitu di Gua. Musang dan di Jeli
- (ii) Pahang. — 14- projek iaitu. 3: di Lipis, 4 di Rompin,.
5 di Raub dan setiap, satu di Temerloh dan
Pekan;
- (iii) Johor - 10 projek iaitu 6 di Kota: Tinggi, 2 di
Kluang dari setiap satu di Segamat dan
Mersing;
- (iv) Selangor — 4 projek iaitu 2 di Hulu Selangor dan
setiap satu di Hulu Langat dan Sepang
- (v) Negeri Sembilan — 7 projek iaitu 4 di Jelevu daii 3 di
Jempul;
- (vi) Perak. — 6 projek. iaitu 3 di Hulu Perak dan setiap
satu di Kinta, Teluk. Intan dan Kuala
Kangsar;
- (vii) Terengganu - 3 projek iaitu 2 di Kemaman dan satu di .
Hulu Terengganu.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah prestasi projek FELCRA bari Orang-orang Asli berbanding dengan projek-projek bagi orang lain?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, prestasinya serupa dengan projek-projek biasa yang dilaksanakan oleh PELCRA.

Tuan Johan B.O.T. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Oleh sebab banyaknya tanah-tanah yang terbiar di negeri Sabah kepunyaan peribumi yang tidak dapat dilaksanakan, adakah Kementerian Luar Bandar bercadang untuk mengadakan projek-projek

FELCRA di negeri Sabah supaya tanah-tanah yang terbiar itu dapat diatasi.

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua kita akan hanya melaksanakan sekiranya ada permohonan daripada Kerajaan Negeri.

Tuan Johan B.O.T. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi.. Oleh sebab negeri Sabah ini bukanlah sebuah negeri dalam Kerajaan Barisan Nasional saya percaya perkara ini Kerajaan Negeri tidak akan membuat permohonan, oleh sebab itu maka saya bertanya kepada Kementerian yang berkenaan supaya FELCRA ini harus dimasukkan di negeri Sabah....

Tuan Yang di-Pertuan Yang. Berhormat apakah soalan?

Tuan Johan B.O.T Ghani: Soalannya,. oleh sebab Kerajaan yang ada di negeri Sabah ini bukan Kerajaan Barisan Nasional, apakah langkah-langkah Kementerian ini supaya membolehkan FELCRA dimasukkan ke negeri Sabah untuk memberi pertolongan, kepada mereka yang saya katakan tadi.

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan Negeri bukan dalam Kerajaan Barisan Nasional kita ada mempunyai wakil, Kerajaan Persekutuan di Sabah. Jadi sekiranya ada permohonan daripada orang-orang tempatan kepada wakil Kerajaan Persekutuan, kita akan mempertimbangkan.

KAD PENGEHALAW BERMDTU TINGGI PEHMOHONAN DARI PENDUDUK SARAWAK

Tuan Tiong Thai King minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) hingga. sekarang, berapa. permohonan untuk mendapatkan Kad Pengenalan. Keselamatan Bermutu Tinggi (KPT) telah diterima dari penduduk Sarawak dan
- (b) berapa kad baru ini telah dikeluarkan; berapa, permohonan yang masih dalam, processing; atau tidak;. apakah sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian, Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting) Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga 30 April 1992 sebanyak. 107,976 permohonan KPT telah diterima dari penduduk Sarawak.
- (b) Dari jumlah tersebut sebanyak 68,730 telah disiapkan manakala 39,246 sedang diproses.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Soalan tambahan. Sehingga bilakah permohonan untuk membaharui Kad Pengenalan Bermutu Tinggi ini dan apakah tindakan yang akan diambil sekiranya masih ada yang tidak membaharuinya dalam tempoh tersebut?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, . tempoh Kerajaan telah ditetapkan untuk pembaharuan KPT ini ialah selama enam tahun daripada tarikh pelancaran iaitu daripada Ogos 1990 dan selepas enam tahun itu kalau sekiranya masih ada mereka yang tidak membaharui maka

seseorang itu akan menghadapi. banyak kerumitan kerana pada masa itu. Kerajaan dan semua: agensi pusat akan gunakan kad KPT.. Sesiapa yang gunakan kad lama itu mungkin tidak laku lagi kad itu. Jadi setakat inilah kedudukannya..

Tuan Ding Seling: Tuan. Yang di-Pertua, soalan. tambahan. Sedarkah Kementerian. Dalam Negeri bahawa tidak. sedikit orang di pedalaman di Sarawak yang tidak pernah mempunyai kad pengenalan? Soalan yang pertama.

Yang. kedua, apakah langkah-langkah yang akan diambil. oleh Kementerian berkenaan untuk menentukan mereka ini mendapat kad pengenalan. yang baru ataupun yang lama?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan. pertama mengenai mereka yang berada di kawasan pedalaman. tanpa kad pengenalan itu adalah satu soalan dari segi taraf atas sebab ada sebilangan mereka yang duduk di pedalaman itu pada masa ia dilahirkan, ianya tidak didaftar. Kalau sekiranya tidak didaftar mengikut undang-undang ataupun Akta Pendaftaran, maka seseorang itu belum dapat disahkan sama ada ia adalah warganegara ataupun apa statusnya. Dalam keadaan begitu, maka seseorang itu tidak akan dapat kad pengenalan sekiranya dia tidak berbuat sesuatu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan terutamanya Kementerian Dalam Negeri telahpun adakan usaha dari masa ke semasa menghantar kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara masuk ke dalam kawasan pedalaman untuk menolong mereka dan menasihatkan mereka bagaimana mereka boleh buat permohonan sama ada untuk mendaftar secara lewat

ataupun bagi yang sudah mendaftar bagaimana boleh pohon kad pengenalan dan termasuk juga untuk mereka, yang telah mempunyai kad pengenalan lama bagaimana dia boleh pohon untuk tukar kepada KPT. Jadi setakat ini memang Kementerian mengambil berat untuk golongan yang duduk di dalam kawasan pedalaman.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian adakah pihak Kementerian yakin bahawa kemudahan yang ada di Jabatan Pendaftaran Nasional ini cukup untuk menangani masalah permohonan dan perkara ini boleh selesai dalam masa enam tahun dengan kemudahan yang ada pada hari ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan telah mula merancangkan satu projek yang begitu besar, begitu penting ini sejak beberapa tahun yang lalu. Walau bagaimanapun itu adalah rancangan, kadang-kadang keadaan yang sebenarnya ada banyak faktor-faktor yang tidak dapat kita jangka. Umpamanya, apabila perancangan itu sebaik sahaja dimulakan maka sebilangan besar penduduk kita pada masa serentak dia pergi tukar kad pengenalan. Tetapi dari segi perancangan kita memang merancangkan dalam enam tahun itu secara purata tiap-tiap hari berapa orang akan tukar. Sekiranya purata itu tidak dapat kita ikuti di mana dua tiga kali ganda pemohon datang maka kita nampak seolah-olah macam Kerajaan ataupun Jabatan Pendaftaran Negara itu tidak bersedia.

Sebenarnya, dari segi jangka panjang kita bersedia dan Kementerian yakin kita boleh menyelesaikan masalah ini dalam masa 6 tahun., Jika sekiranya. memang tidak boleh dari segi di luar dari. kawalan, dan termasuk juga, kalau dikatakan penduduk semua mahu bekerjasama dengan sepenuhnya dengan Kerajaan tetapi masih juga kita tidak. dapat mengatasinya, maka kita boleh timbangkan pada masa itu sama ada kita akan lanjutkan tempoh lagi untuk memastikan satu-satu projek itu-boleh dilengkapi.

PELARIAN VIETNAM - PENEMPATAH DI KEM SEMENTARA

5. **Tuan Haji DoL bin Dolah** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah lagi pelarian Vietnam yang ditempatkan di kem-kem sementara di negara ini:

- (a) sejak bilakah mereka ditempatkan di kem-kem tersebut dan bila pula mereka akan: .dihantar pulang ke Vietnam atau ke negara-negara lain; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Malaysia bagi menanggung beban pelarian ini

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada 23hb. Mei, 1992 bilangan pelarian Vietnam yang .ada dalam kem di negara ini ialah seramai 11,615 orang. Pada masa ini hanya terdapat satu kem sahaja yang mengendalikan pelarian Vietnam tersebut di negara ini iaitu Kem Sungai Besi. Kem ini mula menempatkan pelarian Vietnam pada bulan Jun, 1982 dan ia pada mulanya merupakan kem transit iaitu ia menempatkan pelarian yang menunggu penerbangan untuk bertolak ke negara-negara ketiga.

Tetapi mulai 30hb November 1991, iaitu selepas kem Pulau Bidong ditutup secara rasmi kem Sungai Besi telah menjadi kem sementara- pelarian Vietnam yang menjalankan semua proses penentuan status dan juga proses pemindahan ke negara-negara ketiga serta proses pulang ke negara asal mereka. Kesemua pelarian Vietnam yang baru mendarat dan yang sedang dalam proses penentuan status ditempatkan di kem ini mulai dari tarikh tersebut.

Proses- pemindahan pelarian Vietnam ke negara-negara ketiga berterusan sejak awal pendaratan iaitu pada tahun 1975 hingga sekarang. Sehingga 23hb Mei 1992, seramai 245,407 orang telahpun dipindahkan keluar dari negara ini dan daripada jumlah tersebut seramai 1,106 orang telahpun kembali ke negara Vietnam. Proses penghantaran pulang ke Vietnam bermula daripada tahun 1980.

- (b) Sehingga kini Kerajaan Malaysia belum pernah menyalurkan sebarang peruntukan kewangan bagi menanggung beban pelarian itu.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang, di-Pertua, soalan tambahan. Soalan pertama, apakah perbezaan di antara pelarian Vietnam dengan pendatang-pendatang tanpa izin dari Indonesia dan negeri-negeri lainnya?

Soalan nombor dua, memandangkan pelarian Vietnam yang duduk di kem kita dengan sia-sia sahaja tanpa mengeluarkan apa-apa hasil kepada negara kita kecuali membuat anak sahaja. Soalan saya,

mengapa kita atau Kementerian tidak menggunakan atau bercadang bahawa pelarian. Vietnam itu digunakan sebagai satu tenaga buruh atau tenaga pekerja untuk mengatasi masalah kekurangan. pekerja di kilang-kilang. atau- estet-estet kita?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua perbezaan di antara pelarian dan pendatang. tanpa izin ialah pelarian itu datangnya. pada, masa negara mereka di. dalam keadaan perang atau di dalam satu keadaan yang telah. mendapat perhatian antarabangsa di mana apa-apa tindakan terhadap golongan. ini melibatkan perbincangan, terutamanya Suruhanjaya Tinggi Pelarian Bangsa-bangsa, Bersatu. Manakala pendatang tanpa izin itu dia menyusup masuk begitu sahaja bukan disebabkan ada sesuatu peperangan atau sesuatu. yang. tidak boleh. di-elakkan. Dia sahaja masuk tanpa izin. Itu kita tidak boleh hubung-kaitkan. Lagipun pelarian ini kita tidak suka-suka bagi .mereka bercampur gaul dengan mana-mana pihak di dalam negara kita. Mereka perlu ditempatkan di kem yang tidak boleh mereka keluar. Itu perbezaannya.

Oleh sebab ianya. melibatkan satu-satu polisi negara ataupun dasar luar negara, kita tidak boleh suka-suka ambil pelarian orang lain untuk menjadi buruh ataupun lebih-lebih lagi kadang-kadang ada faktor politik, kita harus mempertimbangkan. Dari segi pendatang tanpa izin yang telahpun masuk dan telahpun bekerja dengan setengah-setengah majikan di negara itu, memang sudah ada satu persetujuan antara kedua-dua pihak, mereka sudah bekerjasama walaupun tanpa izin, maka lebih elok kalau kita mendaftarkan golongan ini

dan menjadikan mereka sebagai buruh dan tidak payahlah kita melibatkan pelarian asing sebab kita ada banyak pendatang tanpa izin yang begitu ramai tidak habis-habis. Kalau kita libatkan pelarian lagi, lagi kecoh...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullab: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita mendengar daripada Yang Berhormat dari Ipoh mengatakan pelarian ini buat anak sahaja Adakah benar pelarian yang tinggal di kem-kem ini melahirkan anak? Kalau benar, berapa ramai anak yang dilahirkan dalam, sebulan? Kalau dilahirkan, siapakah bapa kepada anak-anak itu? . Peruntukan yang diperuntukan bagi pelarian ini, daripada Kementerian mana menanggung perbelanjaan yang berkenaan? Apakah pekerjaan pelarian yang duduk dalam kem itu selain daripada membuat anak?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kalau kita katakan semua yang duduk dalam kem itu beranak sahaja, tetapi benar juga ada di antara mereka itu beranak. Daripada sejumlah yang saya telah sebutkan tadi, 200,000 lebih yang telah pernah datang dan pergi itu, dalam masa yang begitu panjang itu, seramai 4,960 anak telah dilahirkan dan anak-anak ini bukan semua tinggal di situ, mereka mengikut ibu bapa mereka, kalau ibu bapa sudah dihantar ke negara yang ketiga, kanak-kanak ini ikut sahaja. Ibu bapa yang melahirkan anak-anak itu yang kena bertanggungjawab, mereka ikut sahaja.

Peruntukan dari mana, seperti yang saya sebutkan tadi, Kerajaan kita tidak menanggung beban untuk mereka ini. Sebenarnya peruntukan itu datangnya daripada Bangsa-bangsa Bersatu yang saya sebutkan

Suruhanjaya Tinggi. jadi tidak payah bimbang, ianya tidak akan menyusahkan kita. Kalau mereka sudah berada dalam kem mereka akan tinggal dalam kem, mereka tidak boleh keluar bekerja. Jadi tidak ada apa-apa pekerjaan untuk mereka.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin. Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita lihat bahawa negara Amerika Syarikat telah menunjukkan kepada kita satu cara, untuk menyelesaikan masalah pelarian yang mana Presiden Bush telah meminta kepada mahkamah di Amerika Syarikat untuk mengisytiharkan bahawa orang-orang Haiti. itu bukan pelarian, maka boleh dihantar balik ke negara mereka. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian kita apakah sama ada kita akan mengikut cara yang ditunjukkan oleh Amerika Syarikat itu. untuk menyelesaikan masalah pelarian? Itu yang pertama.

Kedua, saya lihat tadi soalan di antara perbezaan pelarian dengan pendatang haram. Ini penting, sebab kalau mereka pendatang haram kita boleh hantar mereka balik serta merta. Yang Berhormat telah menyebutkan sebentar tadi bahawa pelarian ini adalah orang yang lari dari negara yang ada peperangan. Kita tahu bahawa di Vietnam peperangan telah habis, kalau tidak silap saya 10 tahun yang lalu. Jadi, apakah kita boleh menganggap orang yang lari dari Vietnam datang pada tahun ini sebagai pelarian walhal peperangan telah berakhir begitu lama. Kalau hendak dikirakan masih lagi berperang, saya hendak bertanya, sampai tahun berapakah kita membenarkan untuk peperangan itu dianggap sedang berlaku untuk membolehkan orang-orang Vietnam ini dikatakan sebagai pelarian? Apakah 15 tahun, 20 tahun?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai sikap yang dilakukan oleh Amerika Syarikat, Malaysia iaitu negara kita mempunyai pendirian kita tersendiri dan selama ini Malaysia, mempunyai pendirian yang munasabah, Kita-tidak seharusnya ikut apa yang mereka buat, Kadang-kadang apa yang mereka buat itu kalau tidak munasabah kita tegur. Walau bagaimanapun untuk negara Vietnam ini, ini satu cerita lama. Pada masa 10 tahun lebih yang lalu pada awal masa itu ramai pelarian ini datang. dan daripada angka-angka yang saya sebut tadi kebanyakan mereka sudah meninggalkan negara ini. Baru-baru ini sudah kurang dan apa yang tinggal lagi hanya, berjumlah 11,000 sahaja manakala, 245,000. sudah meninggalkan negara ini. Jadi ini bukan menjadi satu masalah lagi kerana tidak terdapat lagi pelarian yang begitu membimbangkan. Kalau ada sedikit-sedikit pun kita tarus masukkan ke dalam kem., Kebelakangan ini kita sudah amat kurang sekali, boleh dikatakan hampir tidak jadi satu masalah pelarian lagi.

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI - JUMLAH PEMBELI TERLIBAT

6. **Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pembeli yang terlibat dan kebanyakannya melibatkan kumpulan pekerja yang mana;
- (b) sejauh ini berapa banyak projek perumahan yang terbengkalai telah dipulihkan kembali dan melibatkan berapa banyak peruntukan, dan
- (c) apakah bentuk tindakan yang telah diambil oleh kerajaan ke atas mana-mana pemaju perumahan yang tidak dapat menyiapkan projek mereka mengikut jadual.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji**Daud bin Dato' Haji Taha] :** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 31.12.91 jumlah pembeli yang terlibat dengan projek perumahan terbengkalai ialah 26,129 orang.. Kementerian tidak mempunyai rekod berhubung: dengan kumpulan kerja yang manakah yang banyak terlibat. dengan projek perumahan terbengkalai ini.
- (b) Bagi tempoh yang sama seperti (a) jumlah projek perumahan terbengkalai. yang; telah dipulihkan ialah 152 projek dan melibatkan peruntukan. sebanyak \$1,460 juta lebih.
- (c) Untuk, tindakan.. yang. diambil kepada pemaju perumahan yang tidak dapat menyiapkan projek mereka dalam masa yang: ditentukan. ialah menyenaraihitamkan pemaju-pemaju berkenaan supaya tidak lagi berulang di masa akan datang masalah-masalah projek terbengkalai. Mengikut undang-undang mereka boleh didakwa di mahkamah. Perjanjian Jual-Beli yang standard yang terdapat di dalam Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 menyatakan bahawa mana-mana pemaju perumahan yang tidak dapat menyiapkan projek mereka mengikut jadual akan. dikehendaki membayar dengan serta-merta kepada pembeli gantirugi yang tertentu yang dikira dari hari ke hari, kelewatan menyiapkan rumah-rumah di projek tersebut dengan kadar 10% setahun pada harga

Dengan yang demikian pembeli- boleh mengambil tindakan guaman terhadap pemaju jika. berlaku kelewatan menyiapkan. projek.

Puan Rosalind Yau Shuk Meng: Tuan Yang. di-Pertua, soalan tambahan Soalan pertama, adakah kaji-selidik dibuat terhadap kerumictan para pembeli rumah. harga. bawah \$100,000 yang bukan pegawai Kerajaan dalam mendapatkan pinjaman dari pihak bank?

Soalan yang kedua apakah langkah Kerajaan bagi memastikan bahawa sikap pihak bank yang. hanya mementingkan- keuntungan ini tidak membebankan bakal pembeli rumah kos sederhana yang ramai bilangannya?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Tabar: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian sedar mengenai masalah ini. sebab itulah kita telah meminta pihak Bank Negara dan Kementerian Kewangan untuk menentukan supaya pihak institusi kewangan diberikan tugas atau penentuan untuk menyediakan jumlah peruntukan yang. tertentu yang terkawal dan dikawal untuk memberikan pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah harga kos sederhana iaitu antara \$25,000 dan \$100,000. Dan pihak Kementerian memberikan. penelitian untuk menentukan. supaya ianya dipatuhi.

Soalan yang kedua ialah kita sedar masalah ini dan kita akan terus memonitorkan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengelakkan penipuan ke atas pembelinya, adakah cadangan dari

Kementerian supaya senarai hitam pemaju disiarkan. di dalam-akhbar-akhbar tempatan?

Tuan. Haji Daud bin Dato' Haji Taha; Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan masalah. peribadi dan kemungkinan kalau kita silap langkah kita boleh, didakwa di mahkamah. Maka sebelum .Kementerian membuat keputusan untuk menerima. .cadangan Yang Berhormat. kita perlu mengkaji dari segi undang-undang.

Tuan Dahalan bin Haji. Embun: Tuan. Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak rungutan mengenai bayaran under the counter masih terdengar lebih-lebih lagi untuk rumah. kos rendah kepada kaum bukan bumiputera. Apakah ini benar, sekiranya. ini benar apakah tindakan. Kerajaan dan mengapakah. aktiviti-aktiviti under the couuter payment ini berlaku?

Selain. daripada itu, adakah penyelewengan. mengenai kuota untuk kaum bumiputera selepas had masa luput berlaku?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, mengenai bayaran under the counter, saya yakin ianya berlaku tetapi tidak dalam . pengetahuan Kementerian kerana tidak ada pengaduan-pengaduan yang dibuat secara rasmi. Tetapi saya ingat perkara ini tidaklah meluas. Walau bagaimanapun kita memberikan perhatian. Tetapi di samping itu pembelian rumah kos-rendah ialah melalui Kerajaan-Kerajaan Negeri yang menyediakan senarai-senarai pembeli rumah mengikut senarai yang telah disediakan untuk pembeli-pembeli di. setiap negeri. Dan mereka ini diundi untuk mendapatkan rumah-rumah berkenaan. Jadi, kemungkinan ada

pembeli-pembeli yang tidak mampu setelah diundi mandapat peruntukan rumah, tidak mampu untuk membeli, jadi kemungkinan rumah-rumah yang tidak diambil inilah yang tidak dibeli oleh pembeli yang telah diberikan kuota ini kemungkinan telah diserahkan kepada orang lain. Walau bagaimanapun, ia ada dalam perhatian senarai Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Pihak Kementerian telah berhubung dengan pihak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kepastian mengenai perkara penyelewengan ini dan kita dapati ianya terkawal. Tetapi sekiranya ada laporan-laporan atau aduan-aduan rasmi mengenai perkara ini, kita akan mengambil tindakan termasuklah mengambil balik rumah-rumah yang terlibat yang telah dijual kepada orang yang tidak berhak.

Mengenai penyelewengan kepada bukan bumiputera iaitu rumah-rumah bumiputera yang telah dijual kepada bukan bumiputera, kita pun tidak pasti juga kerana perkara ini kita memerlukan maklumat-maklumat dan aduan-aduan. Kalau ada aduan-aduan yang rasmi yang diterima dari mana-mana pihak kita akan siasat dan jika didapati benar kita akan ambil tindakan.

SENJATAPI - PEMBERIAN LESEN

7. **Tuan K. Munisamy a/l Kuppan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pemberian lesen individu untuk memperolehi senjatapi;
- (b) berapakah bilangan senjatapi yang dilaporkan hilang; dan
- (c) apakah senjatapi yang dilaporkan hilang itu didapati digunakan dalam kes-kes jenayah yang berlaku di negara kita.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,,.

- (a) Jumlah- pemberian lesen .senjatapi kepada individu. untuk memiliki senjatapi ialah sebanyak ,158,205 lesen.,
- (b) Bilangan. senjatapi yang dilaporkan: hilang ialah sebanyak: 41 pucuk..
- (c) Tidak ada. sebarang: senjatapi. yang; dilaporkan hilang, itu. didapati digunakan. dalam kes-kes jenayah yang berlaku di-negara kita.

Tuaa Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan. Dalam lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri sebanyak 158,205 lesen ini berapa banyak Lesen telah ditarik balik kerana penyelewengan.oleh pemegang lesen yang, tidak mematuhi syarat?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang- di-Pertua, saya tidak ada angka yang spesifik oleh itu saya mohon. notis,

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Berapa lamakah memakan masa untuk memproseskan permohonan setiap individu itu memperolehi senjatapi? Dan yang kedua apakah faktor-faktor istimewa yang membolehkan seseorang itu mendapat senjatapi?

Tuan Ong Ka Ting: Untuk memohon lesen senjatapi, ad beberapa faktor yang perlu ditentukan oleh pihak berkuasa.. Jadi, ia, tertakluk kepada sejauh mana faktor-faktor itu. dapat diselesaikan.. Tidak ada satu masa yang tetap untuk pemerosesan.. Apa yang penting ialah dari segi tapisan keselamatan, dari segi keadaan kesihatan seseorang pemohon itu dan dari seginya: perlunya dan apa tujuannya seseorang: itu memohon senjatapi. Semua itu perlu ditentukan oleh pihak berkuasa sebelum lesen boleh dipertimbangkan dan diberikan. Jadi, kebiasaannya ini mengambil masa beberapa bulan.

Faktor~faktor yang dikatakan istimewa, seperti saya sebutkan tadi faktor—faktor asas, kita tidak sebut istimewa:— tidak ada; sesiapa: yang istimewa cuma faktor—faktor asas iaitu ia mesti menunjukkan bahawa ada perlu memiliki senjatapi dan dari segi latar belakangnya ia perlu ditapis dari segi keselamatannya dan untuk pegawai pegawai penguatkuasa Kerajaan, maka kalau kata keistimewaan, mungkin dari segi itu iaitu sekiranya urusan rasmi memerlukan seseorang pegawai Kerajaan itu untuk memiliki senjatapi, maka pihak berkuasa akan meluluskannya.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa tidak ada senjatapi yang didapati hilang digunakan untuk aktiviti jenayah. Ertinya senjatapi yang digunakan ialah serijatapi yang diseludup. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menentukan supaya tidak bertambah senjatapi yang diseludup dan apakah senjatapi yang dirampas dari perompak dan penyamun ini dikenalpasti dari negara mana ianya dibawa masuk?

Tuan Ong Ka Ting Tuan Yang di-Pertua,. soalan tambahan itu sebenarnya: di luar daripada. soalan asal.. Walau bagaimanapun saya. ingin memberi penerangan di. sini bahawa Kementerian sentiasa berwas— pada, dan memandang serius- keadaan penyeludupan.. Ada juga Akta—akta yang mengawal penyeludupan, terutamanya,. untuk. senjata. api. Se— seorang itu kalau memiliki senjatapi secara haram, maka hukumannya: adalah, sangat berat, Oleh- itu, dari. segi pencegahan,. ianya: boleh. menolong, dan apa. yang. saya jawab tadi ialah bagi. 41 pucuk senjatapi yang dilaporkan hilang itu. tidak.terlibat, tetapi mungkin. ada yang hilang tetapi tidak. dilapurkan. dan terlibat, itu kita. tidak tahu. Jadi,. kita tidak. boleh kata seratus peratus full-proved. bahawa semua senjatapi itu tidak. terlibat cuma berdasarkan kepada apa yang di— laporkan **itu**, dan senjatapi yang diseludup masuk-. daripada negara mana, ia adalah daripada.beberapa negara. jiran yang biasanya boleh kita jumpa, sebab dari situlah senjatapi-itu senang dibawa. masuk.

PENIPUAN OLEH PENIAGA- PENGUATKUASAN UNDANG-UNDAN6

8. **Tuan Haji Zainal bin Md. Derus** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) sejauh manakah penguatkuasaan yang dijalankan oleh Kemente— rian berjaya mencegah penipuan oleh peniaga-peniaga. Sehingga hari ini berapa ramaikah yang ditangkap dan jumlah dendanya.
- (b) apakah tindakan jika kesalahan yang sama dilakukan oleh peniaga tersebut selepas melakukan kesalahan pertama; dan
- (c) sejauh. manakah sokongan Kementerian terhadap .persatuan pengguna dan peherangan-penerangan yang diberikan kepada orang ramai mengenai pentingnya peranan mereka dalam menentukan harga

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Haji Abu Hassan bin Omar: Tuan Yang di—Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah berjaya melaksanakan dan menguatkuasakan semua undang-undang yang terletak di bawah bidangkuasa Kementerian. Dalam hubungan ini, kejayaan dan pencapaian dari segi penguatkuasaan bolehlah diukur daripada jumlah kes yang dihasilkan dan denda yang dikenakan serta jumlah aduan yang diterima.

Semenjak Kementerian ini ditubuhkan, iaitu pada 27hb Oktober, 1990 hingga 30hb April, 1992, ianya berjaya menghasilkan 8,819 kes dan jumlah denda yang dikenakan ialah sebanyak \$1,898,016 serta nilai rampasan sebanyak \$12,033,927. Adalah sukar dipastikan hubungkait tindakan—tindakah itu dengan insiden—insiden penipuan oleh peniaga—peniaga. Apa yang penting dalam konteks ini ialah pengguna-pengguna hendaklah sentiasa berwaspada dan mengamalkan budaya berjimat cermat dan peka terhadap hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna.

Bagi soalan (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sesiapa yang melakukan kesalahan kedua atau berikutnya akan dikenakan hukuman denda yang lebih berat oleh mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang berkenaan, Bagi menentukan mereka yang telah melakukan kesalahan tidak mengulangi kesalahan yang sama, Kementerian sentiasa mengawasi kegiatan perniagaan mereka.

Tuan. Yang: di—Pertua., menyentuh mengenai soalan (c), Kementerian memang sentiasa memberikan galakan dan sokongan kepada Persatuan—persatuan Pengguna. supaya.. persatuan-persatuan: itu. dapat bergerak dengan cergas dan aktif. Setakat ini terdapat 13 Persatuan Pengguna iaitu 12 di peringkat Negeri dan satu. di peringkat Kebangsaan. dan Gabungan Persatuan—persatuan Pengguna. Malaysia yang menyelaraskan aktiviti persatuan-persatuan pengguna di peringkat Kebangsaan Persatuan—persatuan Pengguna. itu diberi. bantuan kewangan untuk membolehkan mereka melaksanakan. aktiviti kepenggunaan masing—masing.. Pada tahun 1991, Kementerian. telah mengeluarkan geran. sebanyak. \$135,996 kepada- Persatuan-persatuan Pengguna dan bagi tahun ini sebanyak, \$130,000 telah diperuruntukan bagi maksud yang sama.

Penerangan-penerangan. ada diberikan kepada orang ramai mengenai pentingnya peranan mereka sebagai pengguna dalam menentukan paras harga barang-barang dan perkhidmatan melalui sesi-sesi seminar, dialog dan ceramah yang dianjurkan oleh Kementerian dan persatuan—persatuan. Pada ketika ini, sedang berlangsung Pameran Kepenggunaan di City Square, ,Kuala Lumpur dalam usaha untuk memberi penerangan khusus kepada pengguna berhubung dengan hak-hak serta tanggungjawab mereka sebagai pengguna.

Satu buku Panduan Pengguna telahpun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 30hb Mei, 1992 dan buku ini akan diberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat sebelum persidangan ini tamat kelak.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang, di-Pertua, sebelum. saya bertanya. soalan tambahan, saya ingin menyatakan rasa terima kasih dan .tahniah kepada. Menteri berkenaan. kerana semenjak. wujudnya Kementerian ini perasaan dan. rasa tanggungjawab pengguna—pengguna. serta. tanggungjawab peniaga.-peniaga amat ketara sekali. Tetapi nampaknya di dalam penguatkuasaan .bagi menentukan harga barang-, penyelewengan harga dan sebagainya, ianya seolah—olah menggambarkan hanya pada musim-musim perayaan sahaja unit penguatkuasaan ini bekerja kuat seperti membanteras jualau murah, dan jualan. penghabisan stok. Jadi bagaimanakah. tindakan—tindakan pada hari—hari di luar masa perayaan?

Dato' Haji Abu Hassan bin Omar: Terima kasih di atas ucapan tahniah Ahli Yang Berhormat. Nampaknya apa yang. dirancangkan oleh Kerajaan Barisan. Nasional kita berjaya. Terima kasih banyak—banyak.

Berkenaan dengan penguatkuasaan, daripada angka yang saya perkatakan sebentar tadi, sebanyak 8,819 kes, ini memang benar, iaitu kebanyakannya diperolehi semasa musim-musim perayaan. Ini adalah kerana pada masa-masa berkenaan peniaga-peniaga mengambil kesempatan oleh kerana permintaan yang tinggi daripada orang ramai, oleh itu mereka cuba untuk membuat keuntungan yang lebih. Tetapi saya ingin memberi jaminan iaitu semua pemeriksaan dan juga pegawai-pegawai kita telah diarah untuk membuat penyiasatan dan pemeriksaan sepanjang masa tidak mengira sama ada musim perayaan ataupun di luar musim perayaan dan mereka akan berbuat demikian sepertimana yang telah diarahkan.

Tuan Dahalan bin Hajl Embun Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang, pertama saya ingin tahu. sama ada direct sales dengan harga yang berlebihan., yang tidak setimpal dengan mutu yang; dinyatakan, itu. sebagai. kesalahan Umpamanya satu syarikat. direct sales {menggunakan barang tempatan tetapi menggunakan jenama. mereka Kalau barang itu.dibeli dipasaran biasa mungkin kata. \$1,000 tetapi selepas dibubuhkan jenamanya sudah menjadi \$3,000 dan dijual, dengan izin secara easy payment

Yang kedua,. tadi Yang' Berhormat Dato' tidak sebut semua jenis-jenis penipuan. Jadi, inginlah saya, tahu apa jenis— jenis iaitu selama daripada bersangkutan dengaa kualiti prize timbang dan penipuan jenama

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji OmarTuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jualan secara langsung (direct sales) yang disebutkan sebentar tadi kalaulah ada pihak-pihak yang menggunakan jenama yang terkenal tetapi yang sebenarnya barangan itu bukan yang asli ataupun yang asal untuk jenama itu, ini adalah melanggar Akta Perihal Dagangan dan boleh dilaporkan kepada mana-mana pegawai penguatkuasa supaya tiadakan diambil terhadap penjual yang berkenaan ataupun pengeluar yang berkenaan.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang ini, kita sekarang di Kementerian sedang menyediakan satu undang-undang bagi mengetatkan cara-cara jualan dan regulat

berkenaan; dengan **direct sales ini**. Insya Allah rang undang-undang ini akan dapat dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada sesi yang akan datang.

Kesalahan-kesalahan memang banyak yang dilakukan oleh peniaga-peniaga, sekurang-kurangnya ada enam jenis Akta yang kita kuatkuasakan sekarang ini. Tetapi kalau saya hendak sebutkan: semua jenis kesalahan adalah banyak dan panjang; tetapi apa yang boleh saya katakan iaitu di bawah Akta Kawalan Harga Akti Kawalan, Bekalau Akta Perihal Dagangan,, Akta Sewa Beli; Akta Hakcipta dan Akta Timbang dan Sukat; Jadi enam Akta-akta ini yang menyelaraskan tetapi kesalahannya beratus beribu

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua,. soalan tambahan Saya ingia mendapat tahu sejauh manakah tindakan Kementerian berhubung dengan pengaduan daripada pengguna melalui Persatuan. Pengguna berhubung dengan ikan-ikan daripada Negeri Thai yang dibawa ke negara kita yang mana makanan ikan itu dibuat daripada najis babi. Dan apakah implikasi bagi orang Islam berhubung dengan ikan yang makanannya demikian?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut daripada Ahli Yang Berhormat atau pihak-pihak yang lain dalam perkara ini kerana setakat ini belum ada aduan yang dibuat ataupun persatuan pengguna yang membawa perkara ini kepada pihak Kementerian ataupun Kementerian Pertanian.

GURU LELAKI — PENGAMBILAN

9.. **Tuan. Heo Tuan Cheng** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh, Kementerian: yang akan. menarik lebih ramai kaum lelaki dan lebih ramai mereka yang. berkaliber dan berkelayakan untuk menjadi pendidik.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Ong] : Tuan Yang di-Pertua, Kementerian. Pendidikan sememangnya berhasrat supaya: lebih ramai kaum lelaki menjadi pendidik. Kuota yang. telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan untuk pengambilan guru lelaki ialah 60% tetapi hanya lebih kurang 25% sahaja. permohonan yang diterima dari calon. lelaki setiap tahun Selepas menghadiri Ujian Kelayakan, lebih kurang 10% sahaja daripada calon tersebut yang lulus ujian. untuk memasuki maktab perguruan,

Di antara langkah—langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan bilangan guru lelaki ialah dengan menyebarkan maklumat mengenai career perguruan melalui Kelas Bimbingan dan Kaunseling di sekolah—sekolah, dan menambahkan bilangan. biasiswa perguruan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti dalam dan luar negeri.

KEMALANGAN JALANRAYA MELIBATKAN VAN

10. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa peratuskah van persendirian mendapat kemalangan jalanraya dalam tahun 1991. Apakah sebab-sebab utama kemalangan itu berlaku dan berapa orang yang meninggal dunia.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha, binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1991, sebanyak 161,823 buah kenderaan telah terlibat dalam kemalangan jalan raya di mana sejumlah 3,139 buah van adalah van persendirian. Ini merupakan 1.94% dari jumlah keseluruhan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Sebab—sebab utama kemalangan berlaku yang melibatkan van-van tersebut, ialah memandu dengan laju, membawa muatan berlebihan, dan memandu dengan tidak cermat seperti memotong secara berbahaya. Van adalah berbeza dengan kereta di mana ia mempunyai kuasa pecutan dengan izin, exhilarating power, yang lebih rendah berbanding dengan kereta biasa yang mempunyai kuasa enjin yang sama. Van memerlukan ruang yang lebih luas apabila memotong kerana saiz van yang lebih besar dari kereta.

Centre of gravity, dengan izin, yang tinggi menjadikan sesebuah van itu - kurang stabil, Pemandu kerap kali menghadapi kesulitan mengawal van apabila dipandu dengan laju ataupun membelok di selekoh. Lebih-lebih lagi dengan penumpang dan barangan muatan yang dibawa berlebihan. Jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya yang melibatkan van ialah 81 pada tahun 1991.

KENYATAAN AHLI PARLIMEN SINGAPURA

11. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi Kementerian kepada kenyataan yang dibuat oleh salah seorang MP dari Singapura yang menyatakan supaya rakyat Singapura jangan melawat Johor Bharu, dalam tempoh enam bulan yang kononnya bertujuan untuk membantu Malaysia dalam mengurangkan kesesakan lalu-lintas dan kadar inflasi di Johor Bharu.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Parlimen Singapura yang berkenaan adalah pandangan peribadi beliau sendiri dan tidak mencerminkan pendirian Kerajaan Singapura. Kementerian saya berpengetahuan kenyataan tersebut tidak menjejaskan hubungan baik Malaysia-Singapura, yang terjalin selama ini.

SABOTAJ KE ATAS LANDASAN KERETAPI

12. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** rninta Menteri Pengangkutan menyatakan: apakah langkah—langkah yang perlu diambil dan apakah tindakan oleh kementerian ini membanteras perbuatan sabotaj landasan—~~landasan~~ keretapi yang sering berlaku kebelakangan ini.

Datin- Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah saya jawab serentak dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Azman Atar mengenai perkara yang sama di Dewan yang mulia ini pada 25hb Mei yang lalu dan saya tidak ada maklumat-maklumat tambahan untuk disampaikan pada masa ini.

LILIN PEMBALUT BUAH-BUAHAN KAJIAN FAMA

13. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Pertanian menyatakan berhubung dengan lilin pembalut buah-buahan yang telah diperkenalkan oleh pihak FAMA baru-baru ini:-

- (a) apakah pihak FAMA telah berpuas hati di atas teknik baru ini dan boleh mendatangkan keuntungan kepada semua pihak, petani dan pembekal; dan

- (b) adakah pihak FAMA telah membuat kajian yang teliti bagi memastikan teknik baru ini benar— benar berkesan dan tidak mempunyai kesan sampingan, terutamanya kepada kesihatan dalam jangka masa panjang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd Shariff

Haji Omar] : Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli, Yang Berhormat, FAMA belum pernah memperkenalkan kaedah lilin pembalut buah-buahan. Adalah difahamkan; bahawa Universiti Pertanian Malaysia (UPM) sedang menjalankan kajian untuk membalut buah-buahan dengan menggunakan kaedah parafin (sejenis lilin) bagi tujuan memanjangkan- jangka- hayat. serta mengekalkan kualiti buah-buahan

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman.

Puan Law Jack Yoon Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 14.

TABUNG PERLINDUNGAN UNTUK PEKERJA.

14. **Puan Law Jack Yoon. [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada Kerajaan akan mewujudkan Tabung Perlindungan. Gaji dan Kemudahan-kemudahan untuk kebajikan pekerja-pekerja yang banyak berbakti untuk memajukan negara Malaysia sehingga mendapat sanjungan. dari dunia luar.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam: Tuan

Yang di-Pertua,. Kerajaan sememangnya. mempunyai cadangan dan sedang di dalam proses: untuk. mewujudkan satu tabung. untuk melindungi pekerja—pekerja. yang diberhentikan kerja. atas- penutupan pemiagaan syarikat ataupun. ianya. telah diisytiharkan bankrap Cadangan: ini sedang. dikaji dan diteliti untuk melaksanakannya dengan paling ber—faedah untuk membantu pekerja-pekerja: yangr diberhentikan kerja atau sebab-sebab di atas.

Tuan C. Krishnan: Tuan. Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Bolehkah, Timbalan Menteri Sumber Manusia memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah hasil .dari kajian-kajian yang. telah dibuat oleh. Kementerian hingga setakat ini?

Dato' M. Mahalingam Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam ANALAE'S meeting atau dalam Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, Kementerian Sumber Manusia telah membentangkan satu kertas kerja mencadangkan penubuhan Tabung Perlindungan Gaji. dan Faedah-faedah. Dalam mesyuarat tersebut ketiga-tiga pihak iaitu Kementerian Sumber Manusia, majikan dan kesatuan sekerja telah bersetuju secara prinsip untuk menubuhkan Tabung yang dicadangkan.

Selain dari itu,, untuk menyelesaikan, perkara,—perkara teknikal, Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan telah merujuk cadangan penubuhan tabung ini, kepada jawatankuasa teknik untuk mengkaji secara mendalam mekanisme dan model yang sesuai untuk negara kita. Kementerian Sumber Manusia yakin tidak lama lagi selepas kelulusan Jemaah Menteri, satu Rang Undang-undang Penubuhan Tabung Perlindungan Gaji dan Faedah—faedah akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini .

JURURAWAT-KEKURANGAN

15. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdulah** minta menteri Kesihatan menyatakan:—

- (a) berapa jumlah sebenar kekurangan jururawat di hospital di negara ini;
- (b) kenapa Kerajaan tidak mengambil lebih ramai pelatih bagi jawatan tersebut; dan
- (c) adakah dengan mengambil jururawat asing kekurangan tersebut dapat diatasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumarau]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kekurangan jururawat di hospital di negara ini pada masa ini adalah seramai 1,034 orang.
- (b) Kerajaan tidak mengambil lebih ramai pelatih bagi jawatan jururawat kerana negara menghadapi kemelesetan ekonomi

pada tahun 80an dan- dengan ini pengambilan pelatih-pelatih jururawat. terpaksa: dikurangkan. Latihan. jururawat meng—ambil masa- 3 tahun. Oleh. ita kesan- daripada pengurangan tersebut dirasai sekarang. ini dan beberapa. tahun akan datang.

- (c) Dengan pengambilan. jururawat asing, dijangka kekurangan jururawat yang dialami oleh negara sekarang ini sedikit—sebanyak dapat diatasi, walaupun tidak sepenuhnya
- Di samping itu, dalam tahun 1991, 2 buah Sekolah Latihan Penolong Jururawat telah, dinaiktaraf kepada Sekolah Latihan Jururawat di Terengganu dan Klang.. Manakala. mulai pengambilan bulan September, 1992, pula sebuah lagi Sekolah Latihan Penolong: Jururawat akan dinaiktaraf kepada Sekolah Latihan Jururawat di Sandakan, Sabah dan sebuah Sekolah Latihan Jururawat baru akan dibuka di Sibul. Pada tahun 1995 sebuah Sekolah Latihan Penolong Jururawat akan juga dinaik taraf kepada Sekolah Latihan Jururawat di Kuantan.
- Pengeluaran jururawat untuk mengatasi kekurangan jururawat adalah seperti berikut:—

1992 - 437

1993 - 458

1994 - 820

1995 - 1,000

Untuk mengatasi masalah kekurangan jururawat ini, Kerajaan juga telah menawarkan jawatan jururawat untuk jururawat-

jururawat yang telah meletakkan jawatan. dan. juga jururawat—jururawat yang; telah bersara untuk berkhidmat semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang: Berhormat Tuan. Haji Abdul Salam Awang-

[Soalan No. 16 Y.B. Tuan Haji Abdul Salam biu Awang tidak hadir]

KEPULAUAN SPRAILY- TUNTUTAN DARI CHINA,

17. **Tuan K. Vijayanathan** minta. Menteri Luar Negeri menyatakan bolehkah beliau .menerangkan. kedudukan Malaysia yang juga telah menegaskan. kepentingan di Pulau Spratly memandangkan kepada fakta bahawa Negara China telah menyatakan bahawa mereka ada bidangkuasa keseluruhan ke atas pulau—pulau tersebut berasaskan kepada fakta bahawa, mereka. telah meluluskan suara. undang-undang di Parlimen untuk. memberi efek kepada. kedaulatan mereka atas pulau—pulau mereka dan bahawa sejak pengisytiharan ini, Kerajaan Amerika Syarikat telah menyatakan bahawa mereka. akan menggunakan desakan untuk mencegah apa—apa kekuasaan atas Kepulauan Spratly.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menolak sebarang tuntutan kedaulatan dan .bidangkuasa oleh negara China dan negara-negara lain ke atas pulau, terumbu atau benteng di Laut China Selatan yang mana termasuk di dalam wilayah Malaysia sendiri. Walau bagaimanapun, Malaysia bersedia mencari penyelesaian secara damai melalui rundingan dengan negara China dan negara-negara lain yang membuat tuntutan ke atas mana-mana wilayah Malaysia di Laut China Selatan.

**JALAH RAYA ANTARA GENTING HIGHLANDS-CAMERON HIGHLANDS—
FRASER HILL - KAJIAN PROJEK**

18. **Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri: Kerja Raya menyatakan bila projek jalan raya di antara "Genting Highlands.", "Cameron Highlands" dan "Fraser Hill" akan siap dan apakah kedudukan projek pada masa ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]; Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang. Berhormat, Kerajaan. telah meluluskan peruntukan sebanyak \$11 juta untuk menjalankan kajian ke atas jajaran. jalan bagi projek, jalan raya di antara Genting Highlands, Cameron Highlands dan- Fraser Hill. Buat ketika ini, kerja, ukur dari. udara. dengan menggunakan: kaedah laser sedang dijalankan Oleh sebab kajian dan kerja ukur belum. disiapkan, adalah terlalu awal. untuk. Kementerian Kerja- Raya menjelaskan. bila pembinaan jalan-jalan tersebut akan bermula atau akan disiapkan.

TEKNIK KEPADA NEGARA MEMBANGUN

19. **Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Perdana Menteri menyatakan bentuk bantuan teknikal yang diberikan kepada negara-negara luar dan apakah hasil pulangannya kepada negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]; Tuan Yang di-Pertua, bantuan teknik yang diberikan oleh Malaysia kepada negara-negara membangun yang lain terbahagi kepada 6 jenis, iaitu:—

- (1) biasiswa dan hadiah latihan untuk pelajar/pelatih mengikuti kursus-kursus jangka- panjang di universiti atau— pun kursus-kursus jangka: pendek di institusi-institusi. latihan di Malaysia;,
- (2-) lawatat sambil belajar atau. penempatan di jabatan—jabatan atau agensi Kerajaan;
- (3) pinjaman pegawai pakar dan juruperunding dalam bidang di mana, Malaysia mempunyai pengalaman dan kepakaran yang terbukti, seperti teknologi getah,. kelapa sawit, pentadbiran. awam dan juga perkhidmatan guru-guru;
- (4) bantuan kebendaan, termasuk pemberian biji. benih dan alat kelengkapan. pertanian;
- (5) pemindahan teknologi melalui kerjasama- ekonomi, termasuk penyertaan pengusaha—pengusaha Malaysia di negara—negara membangun melalui projek-projek usahasama dan penanaman modal di negara-negara sedemikian; dan
- (6) bantuan perikemanusiaan untuk keperluan khusus negara-negara tertentu.

Pemberian bantuan teknik ini dilaksanakan melalui Program Kerjasama Teknik Malaysia- (PKTM) ataupun Malaysian Technical Co— operation Programme yang telah ditubuhkan pada tahun 1980.

Menyentuh dari segi pulangannya kepada negara, bantuan teknik pada dasarnya dilaksanakan bagi membantu pencapaian Dasar Luar Negara. . Dari sudut politik antarabangsa, bantuan tersebut juga membantu mengeratkan lagi hubungan dengan negara-negara membangun selaras dengan konsep Kerjasama Selatan-Selatan. Pendedahan yang

diberikan melalui aktiviti-aktiviti PKTM- telah membantu meletakkan imej Malaysia di tahap yang tinggi seperti sekarang.

Melalui bantuan teknik, terutama latihan, keupayaan dan pencapaian kita telah didedahkan kepada negara-negara yang sebelum ini mempunyai pandangan serong (reaervation) terhadap Malaysia kerana menganggap keadaaa kita sama mundur seperti kebanyakan negara-negara: di dunia ketiga. Sejak akhir-akhir ini, terdapat banyak permohonan bantuan teknik diterima daripada negara—negara membangun, termasuk negara-negara di Amerika Selatan.

Keupayaan Malaysia dalam memberikan bantuan teknik, terutamanya latihan, turut mendapat pengiktirafan di kalangan negara-negara maju dan badan—badan antarabangsa yang tidak keberatan untuk membiayai pelatih-pelatih luar negeri menjalani latihan di Malaysia di bawah PKTM.

Pada masa hadapan, bagi menjamin pulangan yang maksimum, bantuan-bantuan teknik ini akan digunakan sebagai salah satu pelaburan jangka panjang ke arah meningkatkan hubungan perdagangan serta perluasan pasaran hasil keluaran Malaysia. Selaras dengan itu, tumpuan adalah kepada negara-negara yang mempunyai kepentingan dari segi perdagangan dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk soal-jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16, 20 hingga 64 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG, PERBEKALAN TAMBAHAN (1991 DAN 1992)****Bacaan. Kali Yang, Kedua.**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua. sekarang". [1hb Jun, 1992]

Tuan Yang di—Pertua Ahli—ahli Yang: Berhormat, sekarang saya menjemput Yang. Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyambung jawapannya.

Timbalan Menteri Kewangan. [Dato' Loke Yuen Yow] : Tuan Yang di—Pertua, saya ingin sambung ucapan-penggulungan yang tidak sempat saya sudahkan petang semalam. Nasib baiklah kerana semalam tidak cukup masa untuk menggulung. Oleh kerana saya telah menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, saya sebagai Timbalan Menteri Kewangan untuk menggulung Rang Undang-undang ini bagi pihak Kementerian-kementerian lain, oleh kerana dalam masa yang singkat itu saya tidak dapat memberi jawapan yang memuaskan, tetapi pada hari ini saya haraplah penggulungan yang saya akan beri akan memuaskan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberikan jawapan ke atas sebahagian daripada perkara-perkara yang dibangkitkan pada hari semalam dan akan menjawab sebahagian lagi pada hari ini.

Yang Berhormat, Puan Hajah Rosnah binti Haji. Mohd Salleh telah meminta supaya kebersihan dan sivik. dimasukkan ke dalam kursus Biro Tata Negara. dan saya telah jawab sebahagian. daripada pertanyaan ini. Saya di sini suka. memaklumkan kepada. Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah menggubal kurikulum khusus yang dikenali sebagai Kurikulum Kursus Bina Negara dan, Program Bina Negara, menekankan aspek.-aspek penambahan sikap- masyarakat Malaysia ke arah: pencapaian Wawasan 2020 dan nilai-nilai murni seperti yang disebutkan. oleh Yang Berhormat itu ada terkandung di dalam program tersebut.

Dan oleh itu Kerajaan. yakin. dengan. kerjasama. semua peringkat rakyat Malaysia, hasrat Kerajaaa ini akan dapat tercapai.

Dan pertanyaan, yang dibangkitkan oleh. Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba mengenai sumbangan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Selangor berkaitan dengan World, Motorcycle Grand Prix, sumbangan tersebut: adalah berjumlah \$1 juta-

Tuan Yang di-Pertua. sumbangan Kerajaan. Persekutuan: kepada Kerajaan Negeri Selangor tidak ada kait-mengait dengan soal kerugian yang dialami oleh, SAMP iaitu Shah Alam Motor- Paradise Sdn. Bhd., dan keputusan memberikan- sumbangan kepada Kerajaan Negeri Selangor adalah diasaskan kepada faedah—faedah, daripada pendedahan yang diperolehi oleh Malaysia melalui sukan tersebut

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba juga ingin mengetahui pampasan pengambilan tanah bagi rumah kelahiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta mencadangkan penubuhan Memorial Perdana bagi mengisi bahan-bahan sejarah negara. Suka saya memaklumkan bahawa pampasan pengambilan tanah dan rumah tempat kelahiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sebanyak \$200 juta dan .rumah tersebut terletak di Jalan Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Setar, Kedah dan kerja-kerja pemulihan rumah ini dijangka siap pada November 1992 dan satu Jawatankuasa Memorial Kebangsaan telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Jawatankuasa ini bertanggungjawab ke atas perancangan dan pelaksanaan penubuhan rangkaian memorial-memorial, dan memorial yang ada dalam perancangan ialah Pustaka Wira Negara, memorial

untuk Timbalan-timbalan Perdana Menteri dan lain—lain tokoh—tokoh penting negara yang telah menyumbang kepada kemajuan ekonomi, politik dan sosial negara kita ini. Memorial Tuaku Abdul Rahman dan juga Pustaka Sejarah Demokrasi, iaitu memorial yang akan memaparkan sejarah penubuhan Parlimen Malaysia dan memorial-memorial yang telah sedia ada iaitu Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak, jumlah pelawat semenjak ditubuhkan pada 1982 hingga akhir bulan April tahun ini ialah 2,928,818 orang. Memorial lain yang sedia ada ialah Pustaka Peringatan P. Ramlee semenjak ditubuhkan pada tahun 1986 hingga akhir April 1992 seramai 1,020,492 orang telah melawat..

Yang ketiga ialah Memorial Perisytiharan Kemerdekaan di Melaka, jumlah pelawat semenjak ditubuhkan pada tahun 1985 hingga April tahun ini ialah 4,341,488 orang, Penubuhan memorial ini telah menyumbang kepada industri pelancogan negara di samping memupuk perasaan cintakan tanahair di kalangan rakyat kita.

Mengenai keadaaa rumah kediaman Tun Abdul Razak yaag keadaannya tidak berubah semenjak ia ditubuhkan, kita mengambil perhatian bahawa Jabatan Arkib Negara sedang melaksanakan kerja-kerja upgrading ataupun mengemaskini Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak dan sebanyak \$1.93 juta telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk tujuan ini., Peruntukan ini akan digunakan untuk meningkatkan taraf pameran, pembaikan bangunan dan pembinaan Rumah Pahang, iaitu rumah tempat kelahiran Allahyarham Tun Abdul Razak dan pustaka ini ditubuhkan pada tahun 1982 dan sebelum itu perolehan bahan-bahan telah dilaksanakan menerusi pameran bergerak di seluruh

negara- dengan hampir seluruh bahan-bahan bernilai yang ada kaitan telah diperolehi dan bahan-bahan ini dipelihara dan dipamerkan.

Berhubung dengan peruntukan \$327.6 .juta di bawah B.29 Perbendaharaanya sebenarnya perkara ini ataupun pertanyaan ini saya telah jawab semalam — tetapi saya ingin ulangi — yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Tuan Rahim bin Baba dan Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa wang peruntukan tersebut adalah untuk membayar balik semua pinjaman— pinjaman daripada bank-bank perdagangan kepada Sabah Gas Utilization Project dan. pembayaran ini tidak ada kaitan dengan bayaran premium kepada Kerajaan Negeri Sabah; tidak ada. Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz sama ada wakil daripada Kerajaan Negeri Sabah menduduki Lembaga Pengarah SGI, saya ingin memaklumkan bahawa wakil Kerajaan. negeri berkenaan tidak menganggotai Lambaga Pengarah syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba juga telah menyentuh mengenai Kempen Cara Hidup Yang Sihat oleh Kementerian Kesihatan. Bagi menjawabnya, sukalah dimaklumkan bahawa Kempen Cara Hidup Yang Sihat, Kementerian ini memberi penekanan kepada senaman, pemakanan dan menjauhkan diri daripada minuman keras, rokok dan lain-lain. Pemakanan sihat yang digalakkan ialah yang bergula rendah, berlemak unsaturated serta kabohidrat yang rendah dan juga mengandungi high fibre. Maklumat-maklumat mengenai pemakanan sihat disebarikan secara meluas melalui media massa dan risalah-risalah.

Atas- saranan Yang Berhormat: Tuan Rahim bin Baba supaya agen—agen pelancongan diwajibkan. mengambil insurans perlindungan bagi palanggan-pelanggan. ataupun: pelancong-pelancong yang. menggunakan perkhidmatan mereka,. suka. dimaklumkan bahawa cadangan Yang Berhormat itu sungguh baik dan sememangnya pada masa ini Kementerian tersebut sedang membuat kajian. dan mengemaskinikan peraturan-peraturan pelesenan agensi-agensi pelancongan. Cadangan Yang Berhormat. itu akan diambilkira semasa, kajian. ini dibuat, Di samping itu Kementerian berkenaan juga. sedang mengkaji, untuk menaikkan paid-up capital, dengan izin, bagi agensi-agensi pelancongan supaya hanya mereka yang betul-betul komited. sahaja dengan izin, yang akan menceburi dalam bidang industri pelancongan ini.

Tuan Yang. di-Pertua, Yang Berhormat Tuan C. Krishnan telah membangkitkan beberapa .soalan mengenai Jabatan Perpaduan Negara iaitu JPN. Antaranya ialah mengenai kelas-kelas TABIKA. anjuran JPN yang dikatakan bertindih dengan peranan TABIKA yang dianjurkan oleh pihak KEMAS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya jelaskan bahawa orientasi dan falsafah TABIKA anjuran JPN adalah untuk memudahkan kanak-kanak daripada berbagai kaum bergaul sesama mereka disamping mencapai matlamat-matlamat TABIKA yang lain. Mengenai saranan beliau supaya JKKK juga ditubuhkan di estat- estet, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa penubuhan JKKK adalah kuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua., Yang Berhormat Senator Puan Hajah. Rosnah. binti Haji Mohd. Salleh telahpun membangkitkan beberapa perkara mengenai dengan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya, dan antara perkara-perkara tersebut ialah seperti berikut:

- (a) bilakah urusan persempadanan. semula bahagian-bahagian pilihanraya. akan dijalankan.
- (b) adakah Suruhanjaya. Pilihanraya, iaitu SRP akan. mengambil— kira. pecahan dan distribusi kependudukan kawasan-kawasan pilihanraya yang, terlibat; dan
- (c.) berapa. lamakah masa. yang diperuntukkan bagi orang ramai menyemak hasil kerja ini,

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab persoalan tersebut, ingin saya memaklumkan bahawa mengikut Perlembagaan, urusan persernpadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya bagi negeri-negeri Semenanjung dan Sabah hanya boleh dimulakan selepas bulan November tahun ini, dan urusan itu hendaklah selesai dalam tempoh dua tahun selepas ia-nya dimulakan.

Dalam menjalankan urusan tersebut SPR terpaksa mematuhi prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Bahagian I Jadual Ketiga-belas Perlembagaan Persekutuan. Dan untuk makluman Yang Berhormat .

pecahan. dan distribusi kaum bukan salah satu prinsip sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Orang ramai akan diberi peluang selama satu bulan untuk meneliti cadangan persempadanan semula itu, iaitu apabila. ianya. diipamerkan.

Tuan Yang, di-Pertua, Yang; Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba telah, membangkitkan beberapa, perkara; mengenai dengan pilihan—raya, kecil juga. Dan untuk makluman Yang Berhormat sejak Pilihan—raya. Umum 1990 dan selepas pilihanraya. kecil telah diadakan, jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk menjalankan pilihanraya-pilihanraya. yang kecil ini ialah. \$443,322.

Mengenai dengan cadangan Perlembagaan dipinda. supaya pilihan—raya kecil tidak- diadakan, dan sebaliknya calon kedua mendapat undi terbanyak mengambil tempat sebagai Wakil Rakyat, dukacitalah SPR tidak dapat menjawabnya.

Pindaan kepada Perlembagaan adalah terpulang kepada Kerajaan, dan SPR hanya mencadangkan apa yang termaktub dalam perlembagaan....

Tuan Rahim bin Baba; [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua; Yang Berhormat tunggu sebentar minta?

Tuan Rahim bin Baba; Tuan Yang di-Pertua, cuma pembetulan, bukannya calon yang kedua, tetapi calon daripada parti yang berkenaan, katakanlah tempat itu dimiliki oleh UMNO, kalau calon UMNO itu meninggal, parti itu akan mencadangkan seorang daripada parti itu untuk mengisi kekosongan itu.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di—Pertua apa-apa cadangan berkenaan dengan ini,. saya di sini ingin menegaskan bahawa pandangan itu akan dicatatlah, tetapi terpulang kepada, SPR dan juga Parlimen itaupun Kerajaan untuk. membuat keputusan.

Tuan- Yang di-pertua, . walau bagaimanapun. SPR ingin memberi sedikit ulasan bahawa cadangan. Yang Berhormat itu mungkin tidak berapa wajar walaupun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, dan apa; yang dicatat semalam: itu adalah salah.. Walau bagaimanapun,, saya. haraplah pandangan ini akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua,. beberapa Ahli Yang Berhormat telah. meminta. penjelasan mengenai garis panduan ataupun prosedur pengawalan perbelanjaan di Kementerian ataupun Jabatan, dalam konteks untuk mengelakkan perbelanjaan berlebihan yang memerlukan peruntukan tambahan.

Garis panduan-gariapanduan, Tuan Yang di-Pertua, dan prosedur kawalan perbelanjaan adalah dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan mengenai Anggaran Belanjawan Tahunan. Di antaranya termasuklah agensi-agensi diminta merancang dengan teliti segala Anggaran Perbelanjaan selaras dengan keperluan sebenar, dan semasa pemeriksaan Anggaran Belanjawan Agensi, Perbendaharaan menentukan bahawa peruntukan. yang disyorkan itu kepada Parlimen adalah mengikut keperluan serta mencukupi untuk menampung segala aktiviti sepanjang tahun untuk memenuhi objektif agensi itu. Dan juga selepas

kelulusan Parlimen- diperolehi untuk: Anggaran Perbelanjaan, Perbendaharaan sentiasa, menggesa. agensi supaya ,menghadkan perbelanjaan. kepada apa. yang; telah diluluskan, dan juga dalam tahun kewangan berkenaan Perbendaharaan juga. mengawal perbelanjaan melalui pindah .peruntukan untuk mengelakkan agensi meminta, anggaran tambahan.

Sebenarnya, anggaran tambahan tidak. digalakkan; kecuali bagi perbelanjaan—perbelanjaan yang: terdesak ataupun dipersetujui oleh Jemaah Menteri. Sejauhmana yang boleh agensi adalah digalakkan. menggunakan apa jua. baki peruntukan. yang sedia- ada. ataupun melaku—kan crade-off dengan items perbelanjaan yang telah dirancang.

Akhir kata, saya. ingia sekali lagi merakamkan berbanyak-banyak terima kasih. kepada. Ahli-ahli Yang Berhormat. yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Mereka telah menunjukkan minat yang begitu besar terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Rang- Undang-undang yang ini, yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang. di-Pertua, kalau ada perkara-perkara lain yang di-bangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, yang tidak dapat saya jawab di dalam rumusan ini, saya percaya perkara-perkara tersebut telah dicatat dan akan diberi perhatian oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan, bukan Kementerian Kewangan sahaja, untuk diambil tiadakan sewajarnya, jika didapati sesuai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua; Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan.. Masalahnya, ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Loke Yuen Yow Tuan Yang di-Pertua saya, mohon memaklumkan bahawa.. Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun—tahun yang tersebut itu telah disetujui tanpa pindaan Dan, mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr Sak. Cheng Lum]; Tuan Yang di-Pertua., saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANGUNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN
PERDAGANGAN LUAR. MALAYSIA**

Bacaan- Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.59 ptg.-

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa. dan Industri [Tuan Chua. Jui MengJ: Tuan Yang. di-Pertua:, saya, memohon tncadangkan supaya suatu Rang: Undang—undang- untuk menubuhkan Perbadanan Pembangunan Perdagangan. Luar Malaysia atau ringkasnya MATRADE di— bacakan pada kali yang. kedua. Objektif Kerajaan bercadang menubuh— kan MATRADE. adalah. untuk menggalak, membantu dan membangunkan sektor perdagangan Luar Malaysia. khususnya eksport barang-barang: perkilangan.

Sektor eksport Malaysia. sedang. berkembang dengan pesat. Di antara tahun 1980 dan 1991, eksport telah meningkat dari \$28,200 juta- ke \$94,670 juta. Di bawah Rancangan Jangka Panjang Kedua, jumlah eksport dijangka meningkat ke \$255,670 juta pada. tahun 2000. Eksport. barang-barang perkilangan telah meningkat dari \$6,300 juta pada tahun 1980 ke \$65,200 juta pada tahun yang lalu dan menyumbang— kan sebanyak 68.8% daripada eksport negara. Pada tahun 2000 eksport barang-barang perkilangan akan meningkat ke \$209,250 juta dan menyumbangkan sebanyak 81.8% kepada jumlah eksport negara.

Sebanyak 50%" daripada barang-barang, perkilangan Malaysia. dieksport, ke pasaran Kesatuan Ekonomi Eropah, Amerika Utara dan Jepun. Barang-barang: eksport Malaysia, ke- pasaran berkenaan, menghadapi tekanan-tekanan seperti tindakan anti-dumping, 'counterveiling. duties' duti rayuan industri di negara maju untuk menarik balik Kemudahan: Sistem Keutamaan: (GSP). Dalam masa yang sama eksport Malaysia, juga menghadapi persaingan yang kuat dari negara-negara membangun, khususnya dari rantau ini yang mengeluarkan barang-barang yang serupa.

Tuan- Yang- di-Pertua., Malaysia perlulah memperkuatkan lagi usaha-usahanya untuk mendapatkan pasaran baru khususnya di negara-negara selatan. Dalam hal ini, persediaan harus dibuat untuk membantu pengeksporth-pengeksporth Malaysia dengan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti maklumat-maklumat mengenai keperluan import, peluang-peluang perdagangan,. meluaskan lagi perhubungan dengan peniaga-peniaga luar, memudahkan lawatan galakan pasaran ke luar negeri, menyediakan perisikan pasaran, latihan untuk pengeksporth, menyediakan sistem maklumat yang komprehensif untuk menyokong sistem maklumat pasaran yang sedia ada dan membantu industri kecil dan sederhana (IKS) meningkatkan penyertaannya dalam sektor eksport.

Kerajaan telah menubuhkan Pusat Perdagangan Eksport Malaysia

(MEXPO) pada tahun 1979 dengan tujuan untuk membantu pengilang—pengilang dan pengeksport pengeksport dalam sektor eksport... Perkembangan yang pesat dalam sektor perkilangan telah menyediakan lebih banyak barang-barang: untuk eksport dan bilangan pengeksport—pengeksport juga telah meningkat. Perkembangan perkembangan ini memerlukan MEXPO untuk memperluaskan lagi aktiviti—aktiviti yang dijalankan sekarang, dan fungsi—fungsinya, ke bidang—bidang yang baru. Dalam hal ini, tenaga manusia dan kemudahan kewangan MEXPO adalah terhad dan ia menghadapi kesulitan untuk menghadapi cabaran-cabaran dan permintaan-permintaan sektor eksport.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan MATRADE untuk mengambil alih fungsi-fungsi dan tanggungjawab MEXPO dan seterusnya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih luas untuk memenuhi keperluan pengeksport yang semakin meningkat.

MATRADE akan menumpukan perhatian kepada galakan eksport barang-barang perkilangan dan separuh perkilangan. Di samping itu, MATRADE dapat menggubal strategi-strategi galakan eksport negara untuk menghadapi persaingan yang hebat di pasaran antarabangsa dan mengambil faedah dari peluang-peluang perdagangan yang baru, khususnya di pasaran-pasaran baru. Dalam masa yang sama, MATRADE juga akan meningkatkan penyertaan sebahagian besar pengilang-pengilang yang mengeluarkan barangan untuk pasaran tempatan dan pasaran eksport.

Tuan Yang diPertua, di samping itu MATRADE akan menyediakan maklumat pasaran yang menyeluruh, termasuk perisikan pasaran bagi kegunaan para pengeksport, membantu dalam mengenalpasti

barang—barangan. tempatan, khususnya, dari industri kecil dan sederhana;-yang, sesuai. bagi. pasaran eksport, melibatkan diri dalam usaha, menghasilkan barangan baru atau, dengan izin. produk development serta? memudahkan lagi usaha.-usaha. pengeksport-pengeksport tempatan mencari pasaran di luar negeri. Penubuhan MATRADE adalah satu langkah yang sesuai ke arah membangunkan. sektor eksport untuk. mencapai matlamat Rancangan Jangka-Panjang- Kedua dan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, MATRADE akan mempunyai tenaga manusia. yang. serba. boleh dan, profesional untuk. memastikan ianya berkesan, dinamik dan mempunyai peranan yang berpengaruh dalam kemajuan perdagangan luar Ma.laysia.

—Perbelanjaan MATRADE akan dibiayai melalui peruntukan Kerajaan. Walau bagaimanapun, seksyen 25, Rang Undang-undang ini memberi kuasa. kepada Menteri selepas menyemak dengan Menteri Kewangan. untuk mengeluarkan perintah melaksanakan levi ke atas import dan eksport bagi memprolehi sumber kewangan MATRADE.

Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak berhasrat untuk mengenakan levi. dengan serta-merta. Cadangan pengenalan levi memerlukan kajian yang mendalam, khususnya mengenai kadar levi yang akan dikenakan. -Implikasi ke atas ekonomi, cara-cara pengutipan dibuat dan lain-lain, Peruntukan untuk mengenakan levi telah dimasukkan dalam Akta ini kerana ia akan membolehkan MATRADE dibiayai oleh levi pada satu masa kelak apabila keadaan membenarkan. Di samping grant dan peruntukan kewangan Kerajaan, sektor swasta juga boleh memberi sumbangan, derma dan pinjaman kepada MATRADE.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna? [Dr. Sak Cheng Lum]; Tuan Yang di-Pertua., saya **mohon** untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli Yang Berhormat., masalah di hadapan Majlis ialah suatu .Akta untuk mengadakan peruntukan bagi satu penubuhan perbadanan. bernama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia **dan** perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua, sekarang dan. terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat .Tuan Dahalan bin Haji Embun.

Tuan Dahalan bin Haji Embon; . Tuan Yang di-Pertua, saya menoleh kalau-kalau ada. orang. lain hendak bercakap; dahulu.. Terima, kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk berucap saya fikir secara ringkas .di atas Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992. Saya akan berbahas-secara ringkas dan seterusnya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat beberapa cadangan, minta penjelasan dan beberapa persoalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Jadi jelas, Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan ini memanglah tepat pada masanya untuk pemasaran dari segi eksport. Ini adalah penting untuk pembangunan ditubuhkan oleh sebab seperti yang disebut tadi kerana kepesatan pemasaran untuk pengeluaran industri, tidak disebut services di sini, iaitu perkhidmatan. Jadi, ini soalan pertamalah sama ada ini

termasuk. perkhidmatan sama oleh. sebab perkhidmatan memang menyumbang begitu, besar hasil kepada negara. Dan ini memang. memberi banyak contribution. terhadap pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita. dapati daripada. Rang Undang-undang ini, pihak Kerajaan. telahpun menggariskan objektif-objektif. dan strategi-strategi yang termasuk. bidangkuasa dan tugas yang. begitu luas. ini sebagai satu blanket pertubuhan untuk pembangunan eksport negara

Tuan Yang di-Pertua, pada satu. ketika. dulu, kita biasa mendengar penubuhan sebuah badan juga. Saya tidak faham. sama ada badan ini adalah tajaan Kerajaan ataupun tidak, iaitu MOIC (Malaysian Overseas Investment Corporation) yang telahpun saya rasa dimansuhkan ataupun masa ada. Jadi, saya harap ini bukanlah disebabkan couaterpart. Ini memanglah satu perkara yang baru.

Ingin saya bertanya, Tuan Yang di-Pertua, sebab tidak disebut sini, di dalam pengendalian perbadanan ini tidak dipastikan mengenai ekuiti sama ada kita akan menerima rakan-rakan kongsi daripada luar negara. Sekiranya kita menubuhkan sebuah syarikat sama ada rakan kongsi luar negara itu dapat menguasai syarikat yang perbadanan ini akan ditubuhkan sekiranya syarikat ini ditubuhkan di luar negeri. Contoh kata, kalau kita hendak memasarkan barangan pertanian kita di Eropah. Kalau pihak perbadanan membenarkan sebuah syarikat. ditubuhkan di Eropah, kemungkinan orang Eropah hendak membolot pemasaran, mereka hendak monopoli di dalam penguasaan di dalam syarikat ini. Jadi, ini satu yang saya ingin tahu.

Kita dapati daripada bidangkuasa tadi seperti saya sebut ini adalah begitu luas iaitu untuk trade dan industri untuk mengembangkan eksport kita di luar negeri. Pihak Kerajaan ataupun dalam bidangkuasa tadi ini boleh juga melantik konsultan ataupun syarikat sendiri boleh menjadi consultant.

Lebih-lebih lagi saya rasa mungkin sebagai sebuah sogososha. Adakah ini benar oleh sebab kalau sudah jadi sebuah sogososha yang begitu besar iaitu pihak syarikat yang akan ditubuhkan ini atau perbadanan ini dapat memegang stok untuk dijual ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati ada pun ini sebagai cadangan supaya oleh sebab kegiatan perbadanan ini rasa sayalah sepatutnya lebih mementingkan kepada bidang pemasaran iaitu pengeluaran akan dilakukan oleh pihak syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang di Malaysia sendiri, Pihak Kerajaan seharusnya memberi pemasaran. Tetapi setakat sekarang kita dapati memanglah ini berkesan. Kekesanan ini kita belum pasti sama ada oleh sebab barangan kita itu adalah begitu perlu di negara import ataupun memang adalah usaha daripada kegiatan pemasaran kita, Promosi barangan kita, advertisement kita dan usaha-usaha publicity kita.

Jadi, dalam hubungan ini saya rasa mungkin kita sedikit ke belakang lagi di bidang pemasaran seperti Timbalan Menteri sebut tadi pihak MEXPO sendiri pun tidak dapat hendak handle kerja-kerja ini oleh sebab bebanan yang begitu besar dan luas.

Tuan Yang di-Pertua, jadi yang pertama mengenai dari segi market research ini. Mungkin kita tidak ada tenaga, tidak ada kepakaran mengenai market research di luar negara. Barangan kita akan dijual bukan di Malaysia, untuk eksport mesti dijual di luar negara. Jadi negara pengimport lebih mahir di dalam bidang-bidang pemasaran. Bagaimana mereka hendak membuatkan sebagai Menteri sebutkan tadi product development. Mereka lebih tahu mengenai market development produk, kita. Begitu juga sekiranya barangan kita itu telahpun

meluas dijual di satu tempat. Tetapi mungkin market penetration tadi tidak begitu intensif. Jadi, inilah satu usaha macam di Eropah umpama kata ataupun negara lain mengimport minyak kelapa sawit kita. Sungguhpun ada orang import tetapi seharusnya kita usaha dalam market penetration ini supaya barangan kita banyak dijual di pasaran yang sama selain daripada market development yang kita buka di pasaran-pasaran yang baru.

Begitulah juga kita mestilah meliputi segala market segment untuk barang-barang kita. Tidak perlu umpama kata kita masuk dalam satu segment sahaja untuk kawasan-kawasan orang kaya sahaja atau yang sederhana sahaja. Sepatutnya kita masuk di seluruh tempat. Mungkin kita dapat membuat ini dengan memberi harga ataupun pricing system yang berlainan. Untuk tempat-tempat yang agak mewah, harga agak tinggi sedikit. Kalau tempat sederhana, sederhana sedikit harganya. Di tempat umpamanya di Afrika kita tidak dapat mengenakan harga yang serupa seperti harga yang kita kenakan di Eropah. Jadi, inipun rasa saya sebagai tanggungan mungkin sebagai sosial responsibilities. Keuntungan di Eropah tetapi kita melabur secara promosi (promotion) di Afrika supaya dunia semua mengetahui produk-produk kita tadi.

Tuan Yang di-Pertua, daripada usaha-usaha ini tadi kita mendapat maklum-balas -(feedback) mengenai kekurangan, kelemahan ataupun kelebihan produk-produk kita. Itu akan memberi advantage untuk hendak mengubahsuaikan barang-barang kita tadi. Jadi, ini memerlukan corective action yang amat perlu. Kadang-kalanya ini kita mengeluarkan barang, kita hendak push barang kita itu ke.

satu-satu pasaran tetapi tidak dapat kita push oleh sebab -ada masalah. Kita tidak dapat hendak membuat corrective action oleh sebab tidak ada feedback. Ini mustahak dari segi pemasaran,

Lagi satu bidang yang saya hendak cadangkan di sini iaitu dari segi test marketing. Saya beri satu contoh iaitu kita hendak jual buah ciku dan pisang emas. Satu badan Kerajaan hendak buat promosi di Malaysia untuk orang Arab hendak jual buah ciku dengan pisang emas (king of fruit - golden banana). Dia cerita mengatakan objektif, strategi dan macam-macam lagi yang begitu akademik kepada kumpulan Arab ini hendak jual buah ciku dan pisang emas, Tetapi saya tengok kiri kanan tidak nampak buah ciku atau pisang emas. Jadi, Tok Arab fikir macam mana king of fruit, macam mana golden banana. Jadi, ini dari segi kekesanan, teknik pemasaran.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini saya rasa satu bidang yang mustahak oleh sebab yang pertama dari segi marketing ada disebutkan konsep IDA. Daripada satu produk kita hendak jual, beri orang tahu sekurang-kurangnya nama ciku dulu. Tadi kita tahu nama ciku tetapi dia hendak tengok macam mana buah ciku ini. King of fruit macam mana rasanya dia tak tahu hendak cerita. Awareness the basic concept of marketing. IDA - interest macam mana hendak menarik orang ini hendak beli. Kita cerica khasiatnya, bau, taste, kualiti dan lain-lainnya.

D - Desire, selepas dia tahu sifat-sifat buah tadi barulah dia hendak beli. Tunjukkan semua ini. Barulah boleh dia ikat agreement dia hendak beli .

A is action iaitu decision yang kita hendak daripada Tok Arab tadi hendak beli buah kita.

Jadi, inilah dari segi pemasaran bukanlah saya hendak beri kursus tetapi saya berharap pihak Kementarian yang berkenaan dapat bawa balik apa yang saya cerita ini supaya usaha kita ini lebih bakesan. Selain daripada itu, apabila kita menubuhkan badan ini oleh sebab Kerajaan hendak jual sangat barang kita. Kadang-kadang tidak boleh jual secara cash, terpaksa kita jual secara kredit. Tidak banyak orang boleh-beli letter of credit even yang beli kelapa sawit ataupun barang-barang lain. Tetapi ada negara luar yang menghantar barang kita secara kredit. Tetapi sebelum kita beri credit mestilah kita buat sedikit research iaitu daripada segi credibility pengimport tadi. Jadi, siapakah yang lebih tahu - mengenai credibility pengimport di Eropah atau di Amerika selain daripada orang di sana. Jadi, ini adalah satu bidang yang mustahak. Mungkin kita terpaksa menggunakan perkhidmatan daripada bank, konsultan atau daripada -badan-badan yang lain yang begitu mahir, yaag tahu sangat mengenai credibility pengimport-pengimport ataupun bakal pengimport untuk barang kita tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita dapati oleh sebab bidangkuasa. Perbadanan ini begitu luas, boleh kita tubuh joint-venture dan sebagainya. Tetapi kalau sudah jadi satu perbalahan di antara dua pihak, saya hendak tahu undang-undang mana kita guna. Menteri Undang-undang pun boleh tengok. Jadi, kita pun tidak tahulah sama ada undang-undang Malaysia ataupun undang-undang di Eropah.Kalau kita menubuhkan satu syarikat di Rotterdam Holland, undangundang mana kita hendak pakai kalau kita ada masalah di antara .dua partners ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya rasa saya setakat itulah, saya telahpun memberi penekanan daripada segi marketing dan daripada Lain-lain aspek mungkin ada rakan-rakan saya yang akan sambung lagi dalam perbahasan ini. Dengan itu sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.
4.20 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya pada peringkat permulaan tidak bercadang untuk bercakap tetapi setelah mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap sebentar tadi saya hendak sentuh sedikit supaya kita daripada mula-mula lagi, "We are on the right footing", maksud saya di sini ia berkenaan dengan akronim. Akronim maknanya, orang-orang Malayaia ini cukup suka dengan sebutan pendek, macam tadi Malaysia External Trade Development. Menteri sebut sayapun kurang dengar, MATRADEkah, MERTRADEkah. Saya kurang pendengaran. Saya dengar tadi MARTRADE, jadi MERTRADE, kalau MARTRADE, maknanya menjejaskan trade, kalau MAL - Trade, kalau kita guna singkatan Malaysia, MALTRADE - trade yang tidak baiklah - MALTRADE. . Ataupun MERETRADE, M.E.R.E. Trade, jadi small tradekah, ataupun MATRADE, "**you** trade your mother", Jadi, saya fikir "we have to start on the right footing from the very beginning", dengan izin. Sebab itu, saya rasakan oleh kerana perkara ini ialah perkara yang melibatkan hubungan dengan antarabangsa. Nama kepada perbadanan ini penting, sebab kita tahu kadang-kadang daripada nama itupun boleh mendatangkan berbagai-bagai persoalan.

Jadi, saya minta supaya tidak mengelirukan rakan-rakan kongsi kita pada masa-masa akan datang lebih baik kita establish dengan izin, from the very beginning sesuatu akronim yang kita dengar dan kita tahan, yang menguntungkan kita. Kalau macam MAS pada hari ini hendak menjual nama negara Malaysia daripada MAS, dia kata Malaysia Airlines. Mengapa tidak terus supaya MALAYSIA TRADE sahaja, daripada MERTRADE, MARTRADE, jadi orang tidak faham apa sebenarnya nama perbadanan ini.

Jadi, saya cadang ianya daripada mula lagi, oleh kerana benda ini benda baru.. Jadi,.kita mesti pastikan kita on the right crack, maka nama inipun penting oleh kerana kita akan berniaga dengan antarabangsa.. maka saya minta supaya akronim yang digunakan ini tidaklah akronim yang mengelirukan orang-orang yang mendengar daripada sebutan mulut lagi. Jadi, saya tidak ada benda yang lain untuk berucap cuma saya menyatakan iaitu bahawa memang kena pada tempatnya untuk diadakan perbadanan ini dan saya menyokonglah Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan **Yang** di-Pertua: Yang Berhormat Ding Seling.

4.24 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan .Yang. di-Pertua, saya bangun untuk memberi ucapan ringkas dan menyokong Rang Undang-undang ini. Saya ada sedikit sebanyak komen dan persoalan mengenai Rang Undang-undang ini untuk perhatian Kemeterian berkenaan. Pertama sekali dalam Bahagian.II iaitu mengenai penubuhan perbadanan Bahagian II Seksyen 4(L) mengenai Ahli-ahli Keanggotaan Perbadanan.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cadangkan oleh kerana ini satu akta yang baru, satu perkara yang baru, saya ingin memohon agar Kementerian berkenaan memikirkan bahawa keanggotaan perbadanan yang akan dibentuk itu adalah representative ataupun mewakili semua pihak khususnya dalam negara kita Malaysia ini ada di Semenanjung Malaysia dan juga wilayah-wilayah seperti di Sabah dan Sarawak kerana di Sabah dan Sarawak juga dan seperti yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum dan juga Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kita agak kebelakangan sedikit dalam segala aspek mahupun dari segi trade ataupun dari segi komersil. Maka walaupun mungkin kita di situ di dalamnya tidak begitu mahir ataupun kurang berpengetahuan dan dengan itu mungkin dari segi kalau kurang mahir, kurang cekap, kalau menjadi ahli kepada perbadanan itu, saya rasa eloklah untuk masa depan kita ada juga ahli dari situ supaya kita belajar dan didedahkan dalam mentadbirkan satu perkara yang baru ini.

Selain daripada itu juga seperti wilayah yang saya sebutkan tadi iaitu di Sabah dan Sarawak kita juga kian berusaha dengan begitu giat untuk mempertingkatkan usaha ke arah pengeluaran seperti kayu-kayan, pengeluaran dari segi pertanian dan sebagainya.

Jadi, dari aspek itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa eloklah kalau ada wakil ataupun dalam keanggotaan perbadanan itu nanti misalnya dalam 4(1)(e) ini adalah wakil dari Sabah dan Sarawak untuk menyampaikan pandangan kita.

Komen saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai Bahagian III Seksyen 12 iaitu mengenai fungsi-fungsi perbadanan ini,"

Saya kurang tahu ataupun kurang arif sama ada fungsi-fungsi ini tidak melibatkan fungsi-fungsi badan-badan yang sedia ada. Kalau tidak salah saya, sudah sedia ada banyak badan-badan yang membuat siasatan mengenai hubungan di seberang laut dan juga mempunyai trade kita di seberang laut yang mungkin mempunyai informasi ataupun maklumat-maklumat yang sudah begitu kemaskini. Jadi, sekiranya sudah ada begitu, Tuan Yang di-Pertua, dalam fungsi-fungsi perbadanan yang dinyatakan ini, yang disenaraikan dalam seksyen 12 ini, saya ingin tanya sama ada ini adakah menduplikasikan tugas-tugas, fungsi-fungsi badan yang sudah sedia ada itu dan kalau begitu adakah ini bermakna menyebabkan negara kita menggunakan lebih banyak wang lagi dengan kesan yang tidak begitu tinggi ataupun meningkatkan kesan kita dalam komersil antara negara.

Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta Kementerian yang berkenaan supaya menyelaraskan kalau ada yang menduplikasikan sebegitu, supaya tugas-tugas menduplikasikan itu adalah diselaraskan supaya kita tidak menggunakan banyak wang yang tidak membawa kesan yang lebih banyak.

Yang seterusnya, Tuan Yang di-pertua, saya ingin soalkan sedikit ialah dalam seksyen 13 mukasurat 9, iaitu mengenai kuasa-kuasa perbadanan. Tuan Yang di-Pertua, dalam 13(a) hingga (h) sehinggalah (q), saya rasa mungkin ada juga perlunya Kementerian berkenaan membuat ujikaji yang lebih mendalam supaya kuasa-kuasa perbadanan itu juga adalah diselaraskan, supaya janganlah ianya meajadi satu senarai yang mungkin susah dilaksanakan pada hari-hari yang kemudian nanti.

Seterusnya, dari butir-butir saya, ada lagi sedikit sebanyak yang ingin saya komen di sini tetapi oleh kerana saya tidak sempat membuat homework, maka saya kurang yakin hendak meneruskan. Bagaimanapun, dari aspek kuasa untuk meminjam wang dan untuk meminjamkan wang ataupun meminjam nanti, aspek ini saya rasa eloklah Kementerian berkenaan juga mengkaji dengan lebih mendalam.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang terakhir yang saya hendak komen ialah mengenai mengenakan levi. Di sini, saya dapati tidak dinyatakan bagaimana dan aturcara untuk mengenakan levi dan kalau tidak salah saya, tidak diberi had masa atau bila, apabila dikenakan levi nanti. Apakah tempoh masa mereka yang dikenakan levi itu memberi levi mereka. Kalau tidak ada yang dikenakan begitu mungkin dari segi implementasinya nanti, susah juga bagi Perbadanan ini untuk mendapatkan levi itu. Oleh yang demikian, mungkin menghadapi masalah kewangan kemudian.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada lagi yang hendak bercakap? Jadi, saya dengan hormatnya menjemput Menteri atau Timbalan Menteri yang berkenaan untuk menjawab. Silakan.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencatatkan ucapan

terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada ketiga-tiga Yang Berhormat yang telah menyertai perbincangan atas Rang Undang-undang MATRADE. Terlebih dahulu Yang Berhormat Tuan Dahalan yang mengeluarkan cadangan dan persoalan-persoalan yang begitu mendalam yang bernas. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada beliau atas kefahaman beliau di dalam bidang perdagangan antarabangsa.

Mengenai soalan yang pertama yang ditanyakan oleh Yang Berhormat: Tuan Dahalan, MOIC itu bukanlah satu syarikat Kerajaan tetapi ia adalah satu syarikat swasta dan peranan yang akan dimainkan oleh MOIC sebagai satu sosisy dan peranan yang akan dimainkan oleh Perbadanan MATRADE adalah berlainan. Perbadanan ini bukan satu badan yang hendak mencari keuntungan semata-mata, itu bukan tugas atau peranan utama MATRADE. Peranan MATRADE ialah untuk menggalakkan, membantu, sektor swasta dalam membangunkan pasaran antarabangsa khususnya di Negara-negara Selatan, negara-negara yang mempunyai pasaran yang baru kepada peniaga-peniaga dan pengeksport-engeksport Malaysia. Oleh kerana itu, bukanlah matlamat MATRADE untuk mengadakan stok-stok yang besar untuk dijual di luar negeri, Kita bukan penjual, kita menggalakkan penjual-penjual dari negara kita. Itulah perbezaan MOIC daripada MATRADE.

Mengenai MEXPO, MEXPO pada masa kini telah memainkan peranan yang telah diambilalih oleh MATRADE. Ini bukan bermakna MEXPO tidak berkesan dalam menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan kepada MEXPO. MEXPO telah banyak berjaya dalam membantu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menubuhkan

pasaran-pasaran tradisi dan yang bukan tradisi. Daripada angka-angka yang diperolehi oleh Kementerian saya pada tahun lalu, Malaysia ialah satu negara yang unggul di pasaran antarabangsa di mana kita dapat menaikkan dan mempertingkatkan perdagangan antarabangsa Malaysia sebanyak purata 23 kali ganda daripada purata perkembangan perdagangan antarabangsa.

Mengikut laporan GATT, nilai perdagangan antarabangsa pada tahun lalu hanya meningkat 1.5% jika dibandingkan dengan tahun 1990. Manakala Malaysia pada tahun lalu daripada eksport, kita meningkatkan sebanyak 18 kali ganda daripada purata 1.5% yang telah dicapai oleh masyarakat antarabangsa. Daripada import, kita dapat mencapai 27 kali ganda daripada purata antarabangsa. Ini menunjukkan kebolehan Malaysia. Dalam aspek ini MEXPO telah memainkan peranan yang mustahak. Tetapi pada masa kini oleh kerana perkara-perkara yang berkaitan dengan perdagangan antarabangsa semakin lama semakin rumit. Kita nampak di seluruh dunia seperti blok-blok telah menonjol, di Eropah, NAFTAH - Amerika Syarikat dengan Kanada dan Mexico. Dengan itu, kita khuatir mereka akan menaikkan tarif atau lain-lain penghalang terhadap barang-barang Malaysia ke pasaran-pasaran mereka.

Tambahan lagi seperti yang saya katakan tadi dalam ucapan saya, eksport kita telah meningkat dengan begitu pesat dalam 10 tahun kebelakangan ini naik lebih daripada 200%. 10 tahun yang akan datang akan naik lagi 200% lebih. Volumennya telah meningkat, nilainya pun telah meningkat. Oleh kerana itu, kita perlukan satu

badan yang lebih sofistikated, yang lebih khusus untuk menjaga kepentingan Malaysia dalam aspek-aspek perdagangan antarabangsa. Oleh kerana itu, kita memutuskan baru-baru ini untuk menubuhkan MATRADE. Kita dalam MATRADE ada kepakaran yang khusus,. kepakaran sumber manusia yang serba boleh yang berdedikasi terhadap pembangunan perdagangan antarabangsa. Pegawai-pegawai MEXPO akan diserapkan ke dalam badan ini dan dengan ini kita dapat satu badan yang lebih berkesan dan lebih besar, lebih efektif untuk menggalakkan perdagangan Malaysia antarabangsa ke Wawasan 2020. Itulah matlamatnya.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamid: bangun

Timbalan Yang di-Pertua: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Chua Jui Meng:Sila.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia ini setelah MEXPO diserahkan, kerana kita lihat peranan MEXPO sekarang ini tidak sehebat peranan badan yang sama di Taiwan di mana kita dapac lihat di World Trade Centre di Taipei semua barangan keluaran negara berkenaan diperlihatkan di World Trade Centre di negara berkenaan. Sama ada barangan-barangan itu adalah barangan keluaran tempatan, yang aslinya keluaran tempatan ataupun underlicence goods," dengan izin, atau sebarang barangan-barangan yang memperlihatkan keluaran yang berkualiti negara berkenaan. Saya fikir, barangan yang dipamerkan di MEXPO sekarang ini dengan adanya Perbadanan yang baru ini, saya fikir langkah-langkah yang agresif mestilah diambil tindakan, Terima kasih.

Tuan Chua Jui Heng: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita faham, kita menyedari iaitu Taiwan lebih maju daripada aspek pembangunan ekonomi, tidak dinafikan, tetapi tidak lama lagi kita akan mencapai tahap yang dicapai oleh Taiwan yang sudah lebih lama daripada kita menjalankan proses perindustrian negara mereka. Kita faham, pada masa kini MEXPO tidak ada satu bangunan yang begitu besar seperti WorLd Trade Centre yang diadakan di Taiwan. Tetapi tidak lama lagi satu bangunan akan dibangunkan di Kuala Lumpur yang amac besar, satu bangunan yang canggih atau berteknologi tinggi yang mempunyai ruang yang luas untuk mempamerkan barangan-barangan buatan Malaysia. Kita faham, kita sedar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Saya sambung lagi perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan mengenai moral responsibility dan mengenai pricing yang berlainan. Kita faham semua ini. Kita faham dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat itu adalah sama dengan fikiran yang kita ada dalam Kementerian. Kita ada moral responsibility betul-betul. Kita ada moral responsibility seperti negara-negara Indo China, pasaran yang baru naik, negara yang baru minac hendak menyertai pasaran antarabangsa. Kita mempunyai moral responsibility kepada mereka. Oleh kerana itu, kita mengadakan technology transfer kepada mereka, technical assistance kepada mereka, begitu juga dengan negara-negara Selatan (developing nations of the world). Kita faham Malaysia pada hari ini lebih bercuak daripada kebanyakan negara-negara Selatan. Dari aspek ini kita tidak mengabaikan tanggungjawab tanahair kita untuk menjalankan tugas-tugas kita yang memanfaatkan negara-negara lain di negara-negara Selatan.

Mengenai price differential itulah memangnya satu strategi pemasaran yang mesti dimainkan oleh pengeksport-engeksport kita. Kita tidak boleh jual barang-barang di benua Afrika dengan harga yang kita jual di Jepun atau di Taiwan atau di Amerika Syarikat, Tentu ada perbezaan. Oleh kerana kita faham kebolehan mereka, kemampuan mereka di Afrika dan Amerika Latin atau di negara-negara yang uzuc di Asia Tengah dan lain-lain itu kita akan menjalankan price differential. Mungkin barang-barang yang berkualiti tinggi perlu dieksportkan ke negara-negara maju. Kualiti yang tidak begitu tinggi khasnya daripada Industri, Kecil dan Sederhana (IKS) yang tidak ada kebolehan untuk mengeluarkan barang-barang yang

canggih. Mungkin kita akan eksportkan ke negara-negara yang lebih mundur seperti Benua Afrika.

Test marketing dan konsep akronim FIDA itu adalah satu konsep yang baik, idea, desira dan action. Saya ambil perhatian atas rekomendasi Yang Berhormat Tuan Dahalan. Kalau kita jual ciku tentulah kita akan tunjukkan apakah itu jus ciku. Kita buat pengiklanan dalam suratkhobar, signboard dan lain-lain sebelum kita memasarkannya. Umpamanya ciku ke Amerika Syarikat kita hendak tunjukkan apakah ciku ini, rasanya yang baik dan lain-lain. Begitu juga dengan pisang emas. Itulah satu cadangan yang baik yang kita ambil perhatian. Menjualkan melalui kredit dan mengkaji kredibiliti pengeksport ini sentiasa dijalankan.

Kalau ada perbalahan, itu satu soalan dari Yang Berhormat Tuan Dahalan, ada joint-venture apabila MATRADE ini menjalankan joint-venture, perbalahan atau dispute antara MATRADE dengan badan-badan luar negeri, apakah undang-undang yang digunakan. Itu terpulanglah kepada trade negotiation. Kalau kita hendak jurisdiction di dalam Malaysia kita sebutkan dalam perjanjian. Itu, dengan izin, depend upon negotiation antara kedua-dua belah pihak.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri telah menimbulkan masalah mengenai akronim MATRADE. MATRADE - M.A.T.R.A.D.E, MATRADE. MATRADE ini pada hemat saya apa yang mustahak yang pertama ialah MATRADE bukan nama sahaja yang mustahak. Yang lebih mustahak MATRADE mesti berkesan. MATRADE mesti berpengaruh tinggi di pasaran antarabangsa seperti JETRO, seperti KOTRA, Korea Selatan. The Korea Trade Corporation. - KETRA. Seperti perbadanan Taiwan, TETRA, China External Trade Development Council - CETRA, KOTRA, JETRO, MATRADE. Itulah yang mustahak dan kita mestilah berkesan,

berpengaruh tinggi di pasaran antarabangsa. Kalau kita berpengaruh tinggi, kita menjaiankan tugas kita secara bertanggungjawab dan penuh dedikasi pada masa akan datang dunia antarabangsa akan mengiktirafkan MATRADE. MATRADE same rank pari passu dengan JETRO, pari passu dengan CETRA, pari passu dengan KOTRA. Pari passu ini bukan bahasa kebangsaan 1131 bahasa Latin. Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri dia Fahamlah pari passu.

Yang sebenaraya nama akronim MATRADE ini telah dibincangkan lama. Menteri saya Dato' Seri Rafidah Aziz telah menubuhkan satu jawatankuasa yang disertai oleh pihak swasta, pihak-pihak universiti, pihak-pihak Kerajaan, Kita telah membahaskan dengan sedalam-dalamnya dalam semua aspek termasuk acronym MATRADE. Kalau "MA" ibu ini apa salahnya. Siapa tidak cintai kepada ibu? Kalau dunia cintai kepada MATRADE kerana dia ada nampak "MA" atau ibu, lebih baik untuk Malaysia. Tetapi saya hendak beri jaminan kepada Yang Berhormat iaitu nama itu telah dipilih dengan fikiran dan masa yang begitu dalam.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ding Seling. Betul ya nama Ding Seling? Begitu puitik namanya "Ding Seling". Mengenai penubuhan di bawah Seksyen 4(1)(e) iaitu keanggotaan MATRADE ini, sukalah saya katakan di sini apabila kita membincangkan mengenai MATRADE di dalam jawatankuasa di dalam Kementarian saya, kalau tidak salah kita ada wakil daripada Sarawak. Mungkin daripada Sabah juga. Kita ada wakil bukan sahaja daripada Semenanjung. Kita akan sensitif, peka kepada cadangan yang baik yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling dan kita akan ambil berat kepentingan rakyat jelata, pengeksport-pengeksport, peniaga-peniaga di Sabah dan Sarawak.

Mempunyai fungsi yang luas seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dan kkuatir jika ada pertindihan dengan badan-badan yang sedia ada. Sukalah saya menjawab di sini iaitu kita peka kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya di dalam negara kita, kita ada badan-badan seperti Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu, kita ada PORLA (Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Minyak kelapa Sawit, kita ada FAMA dan lain-lain. MATRADE tidak akan overlap tugas-tugas yang diperolehi oleh badan-badan yang saya katakan tadi, tetapi kita akan bekerjasama. Pasaran antarabangsa begitu luas, begitu besar dan Malaysia pada masa ini - perdagangan antarabangsa Malaysia hanya 1% sahaja daripada semua jenis perdagangan antarabangsa. Apa salahnya kalau kita bekerjasama dan tidak akan encroach, dengan izin, dalam tugas-tugas dan bidang kuasa yang dijalankan oleh badan-badan yang disebutkan tadi, tecapi kita akan bekerjasama di ruang antarabangsa.

Mengenai cadangan Yang Berhormat di bawah Seksyen 13 iaitu menyelaraskan kuasa-kuasa yang sedia ada yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang ini, saya beri jaminan bahawa semua kuasa-kuasa akan dijalankan dan dilancarkan dengan penuh bertanggungjawab, dengan penuh dedikasi.

Mengenai Levi, iaitu soalan yang akhir sekali. Levi pada masa kini, saya sudah mamberi jaminan tadi di dalam teks ucapan saya iaitu Levi tidak akan dikenakan sarta-merta. Badan ini akan dilancarkan dengan satu grant yang akan diberikan oleh Kerajaan.

Kita menjalankan tugas dengan grant yang diberikan oleh Kerajaan dan Levi pada masa kini kita belum tentukan apa amaun Levi ini atau apa cara yang kita gunakan, tetapi kita memperuntukkan Levi untuk masa hadapan. Bila kita berbincang dengan Kementerian Kewangan dan kita anggap masa sudah sesuai baharulah kita kenakan Levi. Tetapi daripada pengalaman Korea dan Hong Kong, mereka telah mengenakan Levi - seperti di Hong Kong dia mengenakan Levi 0.05% daripada eksport dan iraport, begitu juga dengan Korea - 0.06%, tidak cukup 1%. Jadi, amaun itu kecil sahaja Yang Berhormat dan oleh kerana itu ia tidak akan membebankan pengeksport-pengeksport daripada negara kita. Kita peka kepada keadaan pengeksport-pengeksport kita dan kita tidak bercadang untuk menambahkan beban mereka dengan Levi yang tinggi.

Itulah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan di Dewan yang rnullia ini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan tadi dan dengan ini saya menamatkan penjeiasan saya. Sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Maaalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Partua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKHAPAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.58 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othmai bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Kebankrapan (Pindaan) 1992 untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967 adalah perlu untuk mengemaskinikan prosedur pentadbiran kebangkrapan, mengetatkan kawalan terhadap sibankrap serta menjaga kepentingan pemiutang. Bilangan kes kebangkrapan telah meningkat sebanyak 426% dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, dari 8,079 kes pada tahun 1982 meningkat kepada 34,485 pada tahun 1991.

Nilai harta yang terlibat dalam tempoh yang sama juga telah meningkat daripada \$4.25 juta pada tahun 1982 kepada \$22.48 juta pada akhir tahun 1991 iaitu peningkatan sebanyak 528.9%.

Bagi maksud ini beberapa pindaan perlu dibuat kepada peruntukan di seksyen-seksyen 2, 3, 5, 8, 15, 17,18, 31, 33, 38, 48, 90 dan 108 serta Jadual C kepada Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Akta Kebankrapan 1967 yang ada sekarang tidak menyebut dengan jelas bahawa pemiutang di dalam sesuatu kes kebankrapan perlu menyatakan amaun yang terdapat termasuk bunga yang perlu dibayar oleh penghutang kehakiman.

Bagi mengelakkan sebarang salah tafsir dan ketidakadilan adalah dicadangkan supaya Seksyen 3(1)(i) dipinda bagi menghendaki pemiutang mengira bunganya hingga ke tarikh notis kebankrapan dikeluarkan. Pindaan kepada Seksyen 5(1)(a) bertujuan menaikkan amaun minimum hutang daripada \$2,000 kepada \$10,000 sebelum sesuatu notis kebankrapan boleh difailkan. Amaun minimum sebanyak \$2,000 ini telah ditetapkan pada tahun 1976.

Seterusnya pindaan adalah juga dicadangkan dibuat kepada Seksyen 8 bagi memperuntukkan bahawa tiada apa-apa bunga boleh dibayar kepada pemiutang bercagar jika sekiranya pemiutang tersebut gagal menghasilkan cagarannya dalam tempoh 6 bulan dari tarikh perintah penerimaan dibuat. Rasionalnya ialah pada amalan biasa dan berdasarkan peruntukan yang sedia ada, didapati segolongan pemiutang bercagar mengambil masa yang terlalu lama untuk menghasilkan harta tersebut. Manakala bunga yang perlu dibayar oleh penghutang berterusan sehinggalah jualan dilaksanakan. Perbuatan sedemikian adalah tidak adil kepada pemiutang yang tidak bercagar dan juga kepada penghutang.

Pindaan kepada Seksyen 15 pula adalah bagi membolehkan pemintang-pemintang yang telah memberikan bukti hutang menyoal penghutang dalam mesyuarat pertama pemiutang dan mesyuarat-mesyuarat lain yang sedemikian.

Di bawah peruntukan yang sedia ada, mahkamah dipertanggungjawabkan memanggil mesyuarat awam bagi pemeriksaan penghutang dari segi ketakuan, urusan dan hartanya selepas sesuatu perintah penerimaan dibuat.

Oleh kerana maklumat telahpun diperolehi semasa mesyuarat pertama pemiutang, pindaan adalah dicadangkan dibuat kepada Seksyen 17 bagi menghendaki Pegawai Pemegang Harta membuat permohonan kepada mahkamah untuk maksud pemeriksaan awam tersebut hanya apabila difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan yang sedia ada, apa-apa permohonan bagi kelulusan untuk sesuatu komposisi atau skim hendaklah dibuat dan didengar dalam mahkamah terbuka. Untuk membolehkan Hakim Mahkamah Tinggi memberi tumpuan kepada perbicaraan kes-kes lain yang lebih rumit, pindaan adalah dicadangkan dibuat kepada Seksyen 18 Akta Kebankrapan 1967 bagi membolehkan Pendaftar mendengar permohonan sedemikian. Peruntukan bagi perkara ini akan dibuat melalui Pekeliling Amalan oleh Hakim Besar. Sekiranya didapati sebarang kakurangan, maka Hakim Besar boleh membatalkan Pekeliling Amalan tersebut dan permohonan itu boleh diambilalih semula oleh Hakim Mahkamah Tinggi, Memandangkan semua kes yang berkaitan dengan kebangkrapan dicadangkan supaya didengar oleh Pendaftar, maka cadangan adalah dibuat untuk meminda Seksyen 31(6)

dan Seksyen 33(1) Akta Kebankrapan 1967 bagi maksud tersebut,

Terdapat kes-kes di mana sibankrap telah berpindah dari alamatnya yang asal tanpa memberitahu Pegawai Pemegang Harta. Keadaan ini sudah tentulah menyulitkan Pegawai Pemegang Harta untuk menghubunginya dan ini secara langsung menjejaskan pentadbiran kesnya. Oleh itu adalah dicadangkan supaya seksyen kecil (bb) yang baru dimasukkan di dalam Seksyen 38 yang ada sekarang bagi menghendaki sibankrap memberitahu Pegawai Pemegang Harta dengan serta-merta jika ia menukar alamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Pegawai Pemegang Harta meminta kerjasama Jabatan Imigresen untuk menahan sibankrap daripada meninggalkan Persekutuan. Tidak terdapat sebarang peruntukan undang-undang yang membolehkan sebarang Pegawai Imigresen bertindak sedemikian. Oleh itu pihak Imigresen terdedah kepada tindakan yang mungkin diambil oleh sibankrap di bawah undang-undang Tort seperti penahanan salah dan sebagainya.

Justeru itu adalah dicadangkan pindaan dibuat kepada Seksyen 38 dengan mengadakan seksyen baru iaitu Seksyen 38A untuk memberi kuasa kepada seseorang Pegawai Imigresen melakukan apa-apa tindakan bagi menghalang sibankrap daripada meninggalkan Persekutuan dan juga memberi kuasa untuk merampas dan menyerahkan kepada Pegawai Pemegang Harta pasport atau dokumen perjalanan sibankrap. Apabila seseorang itu telah dihukum bankrap semua hartanya adalah terletak kepada Pegawai Pemegang Harta kecuali perkara yang diperuntukkan di bawah Seksyen 48(1)(a)(i) dan (ii) Akta Kebankrapan 1967. Harta yang dipegang oleh sibankrap atau amanah bagi mana-mana orang lain dan

peralatan serta keperluan dirinya, isterinya dan anak-anaknya yang tidak melebihi \$500 pada keseluruhannya tidaklah terletak kepada Pegawai Pemegang Harta.

Memandangkan bahawa kos sara hidup telah meningkat, jumlah \$500 itu adalah terlalu kecil dan tidak lagi munasabah. Oleh itu pindaan adalah dicadangkan dibuat kepada Seksyen 48 (1)(a)(ii) Akta Kebankrapan 1967 dengan menaikkan amaun berkenaan daripada \$500 kepada \$5,000.

Mengambil kira kuasa yang akan diberikan kepada Pendaftar untuk mendengar semua permohonan yang berkaitan dengan kebangkrapan, maka adalah dicadangkan supaya Seksyen 90 Akta Kebankrapan 1967 dipinda untuk memberi kuasa kepada Pendaftar mendengar dan memutuskan apa-apa permohonan berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Hakim Besar. Oleh itu cadangan adalah dibuat bagi memasukkan definisi "Hakim Besar" di dalam seksyen 2.

Di samping itu, pindaan adalah dicadangkan supaya dibuat kepada seksyen 108 di mana seksyen kecil 1(b) dibatalkan untuk diselaraskan dengan segala pindaan-pindaan yang melibatkan kuasa Pendaftar.

Jadual C kepada Akta Kebankrapan 1967 menyatakan prosedur bagi bukti hutang. Selaras dengan cadangan pindaan yang dibuat di atas maka adalah juga dicadangkan pindaan kepada Jadual C Akta Kebankrapan 1967 untuk menghendaki sesuatu permohonan dibuat melalui saman dalatn kamar mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang

berkenaan. Sesungguhnya Rang Undang-undang ini apabila diluluskan kelak akan melicinkan lagi pentadbiran kebangkrapan serta memperketatkan kawalan ke atas mereka yang telah diisytiharkan bankrap demi menjaga kepentingan pemiutang serta sibankrap itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Tuan Haji Mohamed Nazri.

5,05 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, Setiausaha Parlimen sebentar tadi telah menyebut iaitu kadar kebangkrapan telah meningkat dalam masa 10 tahun kepada 426%. Saya rasa ini bukanlah sacu perkara yang mengejutkan kerana kalau had yang rendah, yang boleh membankrapkan seseorang penghutang yang berhutang \$2,000, kalau \$2,000 di masa 10 tahun dahulu memang nilainya tinggi tetapi \$2,000 sekarang saya rasa nilainya telah banyak turun.

Jadi, tidak hairanlah kita kalau apa yang dikatakan peratusan kebangkrapan telah meningkat kepada 426% ini memang patut dan telah dijangkakan sebab kadar nilai wang ringgit kita ataupun nilai itu telah banyak turun jika dibandingkan dengan nilai \$2,000 pada 10 tahun yang lalu.

Saya rasa memang kena pada tempatnya iaitu dalam Rang undang-undang ini hendak ditingkatkan limit '\$2,000 itu kepada 510,000 memang satu perkara yang wajar, cuma apa yang menjadi satu perkara yang saya rasa walaupun dinaikkan \$10,000 saya masih merasakan bahawa jumlah itu agak terlalu kecil, sepatutnya pada pandangan saya bukan \$10,000 malah lebih daripada itu.

Untuk memperkuatkan hujah saya, kita harus tanya balik iaitu apakah sebenarnya falsafah di sebalik diadakan proses kebankrapan **ini**, kita harus tanya kepada diri kita, apakah kita mengadakan kebankrapan ini kerana kita hendak menghukum atau, dengan izin, punished, orang yang berhutang. Kalau itulah tujuan kita iaitu kita hendak punished orang yang berhutang, maka saya rasa seolah-olah Kerajaan melihat setiap orang yang mahu meminta hutang daripada bank itu seolah-olah mereka ini merupakan 'crooks', orang yang jahat, hendak minta wang kerana hendak menipu.

Tstapt saya rasa bukanlah tujuan Kerajaan melihat falsafah di sebalik kebankrapan ini sebagai hendak punished orang yang tidak bayar hutang, sebab bukan semuanya orang yang tidak bayar hutang itu kerana dia mahu menipu from the outset, dengan izin, iaitu maknanya apabila seseorang itu meminta pinjaman; jadi, dia telah ada intention untuk menipu, jadi sebab itu dia harus dipunished. Saya ingat bukan itu, saya rasa itu sebahagian besar daripada mereka yang tidak dapat membayar hutang ini ialah kerana genuine business, yang mana mereka gagal dan mereka tidak dapat membayar balik sebab itu mereka tidak dapat membayar hutang ini dan bukan kerana mereka hendak menipu kepada bank-bank yang meminjamkan duit.

Jadi, kepada saya kalau jumlah itu \$10,000 bermakna orang hendak meminjam duit untuk tujuan business yang genuine, dia akan teragak-agak, sebab dia kata "Kalau kita pinjam \$10,000 business gagal, tidak dapat bayar, kena bankrap." Jadi, orang akan teragak-agak untuk memohon pinjaman, ini orang yang genuine, bukan maksud saya orang yang mahu pinjam kerana memang tidak mahu bayar; hendak menipu bank, bukan yang itu. Maksud saya orang yang betul-betul genuine meminjam duit untuk berniaga. Jadi, kalau dengan \$10,000 yang kita hendak pohon pada hari ini, saya rasa apakah benda yang kita boleh berniaga dengan \$10,000.

Jumlahnya kalau orang hendak berniaga lebih daripada itu, mungkin orang hendak meminjam \$25,000 baru betul boleh berniaga. Saya kira bahawa kalau orang berniaga jual mee, \$10,000 beli. barangan tertentu sudah habis. Oleh kerana \$10,000 itu merupakan had yang disebutkan oleh Kerajaan yang membolehkan kalau penghutang tidak membayar hutang,, dia boleh dibankrapkan. Maka dia akan merasa bahawa dia takut untuk meminjam, sebab dengan \$10,000. kalau gagal bisnes, dia jadi bankrap.

Kita harus ingat, Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini bankrap itu mempunyai connotation, dengan izin, yang begitu teruk di dalam masyarakat kita, sebab di kalangan kita kalau sebut bankrap, memang dia dipandang rendah dan dipandang hina. Apa yang menjadi kebimbangan kepada saya kerana jumlah yang disebut itu bahawa \$10,000 itu terlalu rendah, maka apa yang mungkin berlaku iaitu anak-anak muda kita kalau umur dia 25 tahun, 26 tahun hendak mencebur diri dalam bisnes dia pinjam \$15,000, dan bisnes dia gagal. Maka apa yang akan berlaku, dia akan dibankrapkan. Bermakna di dalam peringkat umur dia paling muda dia sudah bankrap. Apakah masa hadapan dia? Kalau umur 25 tahun, maknanya dia ada lagi 30 tahun untuk hidup. Umur dia 25 tahun sudah bankrap, masyarakat telah mengenepi dan menyisihkan dia. Sebab kita tahu dalam masyarakat di negara kita ini, kalau sebut bankrap itu memang satu benda yang menghinakan.

Walaupun saya sokong Rang Undang-undang ini supaya dipinda, dinaikkan daripada hutang \$2,000 kepada \$10,000 sebelum dibolehkan seseorang penghutang itu dibankrapkan, saya lebih mirip kalau boleh

figure hutang \$10,000 itu ditingkatkan kepada satu figure yang lebih tinggi, sebab kalau tidak, nanti orang-orang muda kita takut hendak berniaga. Sebab takut \$10,000 terlalu kecil, nanti buat bisnes bankrap, bisnes gagal, boleh bankrap dan bankrap dalam umur dia masih muda lagi. Jadi ini akan menyebabkan bahawa dalam masyarakat kita mungkin dalam kita menggalakkan orang-orang kita untuk berniaga, mungkin perkara yang boleh menghentikan daripada dia berniaga ialah kerana dia takut, sebab kalau dia pinjam \$10,000 dia boleh dibankrapkan kalau bisnes dia gagal,

Dalam hal ini kalau boleh difikirkan supaya kita tingkatkan lebih daripada \$10,000, tidaklah \$10,000. Maknanya kita tingkatkan mungkin kepada \$25,000. Sepertimana yang telah saya sebutkan tadi bukannya tujuan Kerajaan memandang kepada setiap pemohon itu sebagai semuanya penipu, tiada. Kerajaan tidak melihat sedemikian rupa. Falsafah di sebalik proses kebankrapan ini ialah kerana untuk memutihkan balik atau sepertimana yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi, untuk mengawal. Saya ingat kawal baik, iaitu kalau yang pinjam berpuluh ratus ribu dan berjuta-juta ringgit itu mungkin kepada mereka ini kebankrapan itu mungkin mempunyai makna yang lebih kepada mereka, daripada orang yang kena bankrap \$10,000. Sedih, kasihan saya tengok kadangkala

Jadi cadangan saya iaitu kalau boleh dimasa akan datang angka \$10,000 itu dinaikkan lebih daripada itu untuk membolehkan perniagaan berlaku dengan pesat di peringkat bawah. Sebab itu jumlah angka yang paling rendah yang boleh dibankrapkan kepada penghutang itu janganlah \$10,000 tetapi harus lebih tinggi supaya di

bawah ini. mereka akan bertambah berani untuk berniaga dan tidak dihad dan ditakutkan oleh kerana proses kebangkrapan kalau sekiranya mereka berhutang kepada bank.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan fasal 5 yang mana sepertimana telah disebutkan oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi berkenaan dengan masa 6 bulan yang diberikan kepada pihak yang memegang cagaran untuk menjelaskan cagaran itu. Saya faham mengapa perkara ini dilakukan, juga kerana untuk membantu penghutang supaya permiutang itu tidak melengah-lengahkan perkara ini yang boleh menyebabkan bertambah banyak bunga terakru disabitkan oleh kerana kelewatan untuk menjelaskan cagaran tadi. Walau bagaimanapun, kita harus ingat bahawa jangan pula di kalangan yang memegang cagaran itu, iaitu bank itu, kerana dipaksa oleh Akta ini. untuk menyelesaikan dalam masa 6 bulan, maka dia jual ikut secepat mungkin tanpa mengira bahawa mungkin harga yang didapati hasil daripada penjualan itu mungkin rendah. Kerana dia kata dalam masa 6 bulan bank kena selesaikan. Jadi mungkin tanah yang harganya patut dijual \$70,000, dia jual \$7,000 sahaja kerana takut masa ini akan tiba, kerana dia diberi masa 6 bulan. Jadi, untuk melepaskan diri dia daripada seksyen ini, maka mungkin bank menjual tanah cagaran itu lebih murah daripada harga yang patut dijual.

Sebab itu saya merasakan dalam seksyen ini harus dimasukkan juga mungkin perkataan "penjualan dengan harga yang berpatutan" supaya jangan bank ikut suka hati. dia sahaja hendak melepaskan dirinya daripada syarat 6 bulan tadi, maka dia jual cepat-cepat dengan harga yang murah. Yang mendapat kerugian ialah sipemiutang

tadi kerana tanah dia yang berharga itu dijual dengan harga yang itulah. Jadi saya minta supaya diambilkira perkara ini dengan dimasukkan dalam seksyen ini di mana-mana perkataan "dengan harga yang berpatutan". Jadi, ini akan bersikap adil terhadap penghutang yang tidak ada kuasa untuk memastikan sama ada tanah mereka itu dijual dengan harga murah ataupun harga mahal.

Yang terakhir sekali berkenaan dengan Fasal 11, memang ini baik. Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 38(1) Akta bagi menghendaki si bankrap mernberitahu dengan serta-merta kepada Pegawai Pemegang Harta jika dia menukar alamat rumahnya. Saya kira seksyen ini memang baik, tetapi kalau hanya setakat kita kata kalau dia tak beritahu, dia kena denda, saya rasa seksyen ini seolah-olah hanya melepaskan batuk di tangga sahaja. Kalau berlaku kelainatan disabitkan oleh kerana sipenghutang pindah dan tidak memberitahu alamat, maka Kerajaan akan pusing balik - ha, dalam Akta sudah kata kamu kena beritahu kalau bertukar alamat, jadi tak boleh buat apa. Saya ingat ini cuma hanya setakat melepaskan batak di tangga.

Kalau kita betul-betul serius untuk memastikan supaya mereka iai mesti memberitahu pertukaran alamat, maka kita harus mengenakan satu denda, kalau gagal berbuat demikian, maknanya mereka akan didenda wang ataupun dijel. Kalau begitu rupanya baru orang akan beria-ia mematuhi seksyen ini. Saya tahu kalau penghutang tidak mematuhi. seksyen ini, yang menghadapi kerugian ialah dia, sebab apabila proses berjalan, Official Assignee akan hantar surat saman ke alamat yang lama, maka bukan salah Kerajaan lagi kalau mereka tak dapat saman ini.

Memang betul, makanaya memaag daripada segi Kerajaan betul. Tetapi saya minta supaya biarlah ada kesungguhan untuk menyelesaikan masalah ini dengan mengenakan denda. Apa cara denda itu terpulang kepada Kerajaan supaya untuk menunjukkan bahawa memang kita mahu menyelesaikan masalah **ini**. Bukan hanya setakat hendak melepaskan tanggungjawab kita ataupun menggunakan alasan seksyen ini sebagai alasan beritahu kepada penghutang iaitu bahawa kamu yang silap, kamulah hadapi, masalah.

Jadi, saya minta dalam Fasal II ini kalau di masa-masa akan datang untuk menunjukkan kesungguhan Kerajaan iaitu kita mahu menyelesaikan masalah ini dengan cepat. Maka, oleh kerana itu kita harus juga letak denda kalau sekiranya gagal untuk memberitahu pihak berkenaan berkenaan dengan pertukaran alamat. yang baru, maka orang itu akan sama ada didenda ataupun dijel. Jadi, bila sudah hendak kena denda dengan jel ini orang takut. Bila orang takut maka orang akan patuh dengan seksyen ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya rasa hanya satu perkara lagi yang terakhir berkenaaa deagan seksyen 38A ini, subseksyan 3, Dengan izin, dalam bahaaa Inggerisaya mengatakan;

"An immigration officer shall be empowered to seize and deliver to the Official Assignee any passport or travel document belonging to any bankrupt who is attempting...."

Mengapa kita harus tunggn semasa dia attempt to go overseas baru kita hendak supaya diambil passportnya, mengapa tidak semasa dia di-isytiharkaa menjadi bankrap terus ambil? Jadi, ini kerja yang

menyulitkan. Maknaaya, kita ini sepatutnya bila dia bankrap sahaja, gazet dia bankrap sahaja, ambil pasportnya itu, sebab orang tidak akan pegang pasport melainkan kalau dia hendak pergi ke luar negeri. Jadi apa yaag saya hairan bahawa seksyen ini, iaitu;

"....to seize documenc belonging to any bankrupt who is attiemptng to leave the Federation."

Maknanya kalau dia tidak attempt to leave, tak payah seize. Saya mencadangkan iaitu pasport ini orang pegang. kerana hendak pergi luar negeri, orang tidak pegang pasport kerana hal-hal yang lain. Jadi sebab itu saya fikirkan daripada kita tunggu orang hendak attempt to leave the country, adalah lebih baik apabila dia diisytiharkan bankrap ambil terus pasportnya, jadi tidak berbangkit masalah "a bankrupt who is attempting" ini.

Jadi, cadangan saya iaitu untnk mengurangkan kerja dua tiga kali, saya cadangkan iaitu apabila digazetkan sebagai bankrap sahaja, pasportnya kena ambil terus supaya tidak berbangkit soal immigration officers hendak merampas pasport "a bankrupt who is attempting to Leave the Federation". Jangan tunggu sampai orang itu hendak keluar tahan dekat immigration centre, tangkap, "you hendak keluar ya?", baru tangkap. Janganlah sampai begitu. Saya kira lebih baik kita ambil pasportnya pada ketika digazetkan dia bankrap, ambil terus sebab tidak ada sebab dia pegang pasport melainkan kalau dia hendak pergi ke luar negeri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja hujah-hujah saya, saya menyokong Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1992 ini. Terima kasih:

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Tuan Dahalan bin Haji Embun.

5.24 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah naik takut bila dengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri tadi selepas dia merayu sapaya tindakan jangan begitu keras oleh sebab ini melibatkan maruah, kredibiliti, dan kehidupan. Orang bankrap kalau dahulunya dipanggil pakai kasut kayu, sungguhpun sekarang ada yang pakai Rolls Royce, Mercedes 280 dan sebagainya. Jadi, inilah stigma daripada orang yang menghadapi dengan tindakan bankrapsi ini hinggakan sekarang bukan setakat bubuh nana dalam paper hinggakan. tercatat nombor Kad Pengenalan supaya kiau Lim Ah Chong, kadang-kadang Lim Ah Chong ada dua orang, jadi kena bubuh I/C, jadi barulah dapat bezakan antara satu dengan lain.

Seiain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak Rang Undang-undang ini iaitu dalam perbahasan saya sebelum saya menyokong, sekali imbas nampak begitu capitalistic oleh sebab kita ini. memihak sangat kepada kreditor-kreditor. Kreditor-kreditor ini sentiasanya bank-bank, institusi-institusi kewangan, credit companies, ceti-ceti dan sebagainya, loan sharks, dengan izin, ada orang sebut juga. Jadi, kebanyakan orang yang pimjam duit ini sudah kemungkinan besar. akan jadi mangsa kepada Rang Undang-undang yang kita bahas pada hari ini.

Jadi rasa saya eloklah kalau kita lebih socialistic sedikit, rasional antara dua - on one hand kita boleh khas iaitu orang kepada orang yang genuinely hendak lari daripada bayar hutang iaitu orang yang boleh-bayar tetapi tidak mahu bayar; tetapi kalau sudah tidak boleh

bayar niat hendak bayar, niat sahaja tidak cukuplah, dia hendak juga duit bukan? Kalau tak hendak pun dia declare bankrap, tetapi sentiasanya ialah orang yang declare bankrupt without harta ini, tak ada harta, menanggung liability below zero, sudah minus, hendak makan pun tidak ada. Harapkan kalau ada cagaran, cagaran itulah yang kita hendak beri tetapi kebanyakan yang rasa saya 80% atau 90% orang yang diambil tindakan bankrupsi ini memang yang betul-betul bermasalah. Jadi itulah ehsan saya minta dari pihak Kerajaan mengenai pelaksanaan Rang Undang-undang ini.

Satu soalan, Tuan Yang di-Perlua, oleh sebab tidak disebut di sini winding-up, saya tidak tahu sama ada bankrap - Rang Undang-undang ini melibatkan winding-up untuk syarikat ataupun bankrap untuk individu sahaja. Kalau individu kita panggil bankrap, tetapi kalau syarikat kita panggil winding-up. Jadi, sama ada ini terlibat meliputi kedua-duanya, saya tak jelas di sini, especially bila Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri sebut **business ini**, ia syarikatlah. Jadi sama ada ini meliputi.

Lagi satu dua soalan yang ingin saya minta, berkenaan dengan koperasi-koperasi; bagaimana kalau koperasi menghadapi masalah dengan hutang? Apakah tindakan yang pihak kreditor boleh buat, sama ada proses yang sama akan dibuat. Tetapi bagaimanapun, terjelaslah di sini kalau seseorang itu peniaga, dia tidak dapat jadi peniaga lagilah, hendak daftar nama dalam pendaftar perniagaan ataupun hendak masuk dalam syarikat jadi. Pengarah, tak boleh lagi. Kecuali hendak jadi Peagurus kalau suami itu sudah bankrap, register dalam nama isteri, dia jadi Pengurus. Tetapi bila jadi Pengurus itu

maknaaya dia jugalah, one and the same person for all incends of purposes, itulah jaga. Setakat yang saya tahu, ramai orang yang buat .

Satu bebanan yang saya minta pihak Kerajaan ambil berat sedikit iaitu daripada goloagan-golongan macam pegawai-pegawai Kerajaan, selalu juga terkeluar nama orang-orang daripada Kerajaan yang dideclare bankrap, politicians pun ada juga, sekali-sekali ini. jadi heboh. Mengenai dengan pensioners pula bagaimana Tuan Yang di-Pertua? Kalau sudah pencen buat business, declare bankrap pula. Apa akan jadi kepada duit-duit pencennya? Begitu juga duit-duit EPF yang tersimpan. Apakah akan terjadi kepada duit-duit ini dan savingsnya, apa akan jadi? Apakah tindakan kalau seseorang itu menghadapi tindakan bankrapsi ini?

Saya faham di Amerika ada satu undang-undang untuk menghindar tindakan bankrapsi iaitu "US Chapter", saya tidak ingat Chapter yang disebutkan. Jadi, kalau pihak Menteri dapat highlight sedikit mengenai ini, mungkin kita boleh mengambil contoh daripada sana. Kalaulah dapat dijawab.

saya hutang \$10,000 kalau Tan Sri jamin saya ingat bila-bila masa-pun laku hampir \$1 juta. Kalau Tan Sri beri jaminan untuk hendak melepaskan saya, apa salahnya, saya ingat pihak creditors ataupun kita minta pihak Kerajaan untuk mendesak supaya jalan-jalan ini dapat digunakan sebagai remedi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada disebut mengenai passport yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, membuat saya takut, sebut kena jel, kena tindakan keras dan sebagainya. Saya ingat perkara ini mesti ada exception of clause, orang yang bankrap ini bukannya sihaç-sihat, ada kemungkinan yang sakit, hari ini bankrap, esok acaupun lusa dia hendak pergi ke Mekah, ini macam mana? Ataupun kalau hendak berjalan atas bisnes, business mission, tetapi bukan sebagai entrepreneur, bukan sebagai businessman, sebagai manager kepada satu, perniagaan. Misalnya saya menjadi manager kepada satu kompeni A, jadi sama ada ini boleh diberi satu exception supaya orang ini dapat berjalan keluar juga, untuk hendak menjalankan tugas business, tetapi bukan perniagaannya sendiri, dia bekerja untuk orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja perbahasan saya dan seterusnya saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila Datuk Haji Ahmad.

5.33 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju Akta Kebankrapan 1967 ini dipinda.

Mengenai pindaan demi pindaan ini memanglah baik, tatapi apa

Selain daripada itu mengenai tindakan bertindih, Tuan Yang di-Partua, sesaorang yang meminjam bercagar. Saya biasa terdengar sungguhpun dia membuat pinjaman daripada bank bercagar, dia beri tanah, tetapi tindakan pun diambil iaitu tindakan bankrapsi jalan, tindakan untuk hendak melelong tanah diapun jalan overlapping. Jadi mana satu yang betul, mana satu yang tidak betul, sama ada kadua-dua boleh dilakukan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi inilah yang saya minta penjelasan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai remedi untuk hendak menghindar atau hendak menarik diri daripada menjadi bankrap **ini**. Yang mustahak memang kena bayarlah, kalau hutang \$1,000 kena bayar \$1,000lah, kalau \$10,000 kena bayar penuh termasuk bunganya sekali. Tetapi rasa saya elok kalau hendak mengelakkan. lebih-lebih lagi. kalau yang terlibat ialah pegawai-pegawawi Kerajaan, orang politik dan orang yang tertentu daripada diambil tindakan di atas \$10,000 **ini**, saya rasa eloklah pihak creditors ini mencari jalan lain sebagai jalan untuk hendak remedi masalah **ini**, janganlah tergesa-gesa hendak declare dia bankrap, mungkin kalau dengan bayaran separuh dia dilepaskan, yang declare bankrap ini dilepaskan ataupun dengan mengeluarkan guarantee, mungkin orang yang guarantee itu adalah lebih kuat daripada orang yang kena bankrap. Misalnya jika

sahaja pindaan, apa sahaja Rang Undang-undang yang dikenakan, saya rnerasa hairan sedikit, selepas merdeka perkara ini berbeza dengan zaman penjajah. Kalau dalam zaman penjajah, apabila disebut bankrap. sahaja, semua orang takut, sekarang orang mendaftarkan dirinya pula menjadi bankrap.

Tadi kita dengar daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian mengatakan kebangkrapan naik kepada 426%, perbezaan ini kalaulah orang yang tua seperti saya, yang masih ingat dalam zaman penjajah, memanglah apabila saseorang itu sudah dibankrapkan, dia tidak dapat pakai baju yang cantik, tidak pakai motokar, tidak boleh naik basikalpun, bahkan pakai terompah, tatapi sekarang apabila kita baca dalam akhbar, apabila seseorang ttu telah dibankrapkan, kemudian dia punya kereta bertukar lebih besar, rumahnya lebih besar, dan perniagaannya bertambah lebih besar. Jadi kepandaian yang seperti inilah yang menyebabkan orang lain meniru, merekapun hendak meniru kerana orang-orang yang bankrap tadi bertambah baik.

Saya dapat melihat seorang dua yang membuat begini, misalan pada permulaannya dia mempunyai perniagaan yang kecil, tetapi setelah maju, dia jatuh bankrap. Setelah dia bankrap, kita dapat melihat. dia membuka sebuah amporium yang paling besar, membeli barang-barang dan juga jual-beli. Dua tahun kemudian, dia bankrap lagi, kemudian dia membuka kedai emas, sekarang ada kedainya di Melaka, di Kuala Lumpur pun ada. Jadi apakah sebabnya falsafah bankrap sekarang ini orang tidak takut, dan apabila saya tanya

sendiri kepada mereka yang bankrap - yang kaya itu, dia jawab senang sahaja, dahulu saya membuka perniagaan, semua orang membeli barang-barang saya itu dengan cara cash, kemudian saya letakkan cash itu pada satu tempat, dan saya membeli barang-barang lagi. Dan apabila semua kompeni sudah cukup percaya, barang sudah banyak yang dijual pada saya, tetapi saya berhutang dan kemudian saya jual barang itu, wang itu saya masukkan di tempat yang lain, kemudian sayapun isytiharkan bankrap. Jadi perniagaan yang baru itu kadang-kadang saya beri pada isteri saya atau adik saya. Dengan sendirinya apabila dia memberitahu kepada orang lain, cara dia bankrap boleh jadi kaya, daripada kereta kecil boleh pakai kereta Mercedes, orang lain pun ikut Walaupun Akta ini diletakkan apapun tidak dapat mengubah keramaian orang-orang yang menjadi ahli-ahli bankrap. Oleh sebab itu cubalah Kementerian mencari falsafah baru bagaimana hendak mengelakkan orang-orang yang kaya, yang besar, yang boleh menipu semua pihak sama ada bank, peniaga kecil atau sesiapa yang memberi piutang kepada dia, dia boleh menambah kekayaannya dengan sahaja-sahaja mukanya tanpa bersusah-payah membayar hutang.

Yang kedua, mengenai penjamin. Ini adalah satu perkara yang pedih, kerana orang yang menjamin ini kebanyakan daripada pegawai Kerajaan dan ahli-ahli politik. Pegawai- Kerajaan apabila orang bawahnya atau ocang bawah kerana bossnya dia menjamin pinjaman, begitu juga orang politik, oleh sebab dia menjadi Wakil Rakyat, Ahli.

EXCO atau Menteri, kemudian dia menjamin orang-orang yang difikirkan untuk berniaga. Jadi orang-orang yang hendak berniaga ini meminjam wang dengan tidak ada pengalaman perniagaan, betul-betul dia hendak berniaga, tetapi apabila dia menjalankan perniagaannya diapun bankrap. Apabila dia bankrap ada pula harta-hartanya sedikit, rumah, tanah, televisyen dan lain-lain, tetapi dengan adanya Undang-undang Kebankrapan ini, pihak mahkamah tidak hendak berfikir panjang tentang harta orang yang meminjam, terus sahaja kepada orang yang menjamin.

Ada kawan saya yang terus kena bankrapsi, oleh sebab dia sakit jantung terus dia meninggal dunia. Dan anak-anaknya menyesal kepada orang yang meminjam wang "Sebab engkaulah bapa aku mati". Jadi kita tidaklah bersetuju sangat dengan cara orang yang menjamin itu mesti dibankrapkan atau membayar hutang orang yang berhutang, lebih baiklah mahkamah menyemak dahulu harta dan juga wang ringgit yang ada di tangan orang-orang yang meminjam itu, dan dikenakan dahulu kepada peminjam, kalau sipeminjam itu memang tidak mempunyai wang barulah boleh diambil daripada penjamin. Oleh sebab itulah sekarang penjamin sangat takut, Menteri sangat takut menjamin, Ahli-ahli Yang Berhormat sangat takut menjamin, boleh jadi dia akan dibuang kerja.

Itulah sedikit sahaja ucapan saya pada petang ini, bagi menyokong undang-undang ini, untuk diperketatkan dan kalau boleh falsafah, mengetatkan ini barangkali tidak sesuai lagi segala undang-undang yang ada ini, bolehlah ditukar supaya undang-undang ini

menjadi undang-undang yang menyenangkan semua orang sama ada yang berhutang ataupun yang memberi hutang.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab. Dipersilakan.

5.39 ptg.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) ini.

Pandangan-pandangan yang diberikan itu merupakan pandangan-pandangan yang baik. Insyallah, akan dipertimbangkan bagi pelaksanaannya.

Sukalah saya menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri yang mencontohkan dan memberikan pandangan beliau bahawa had \$10,000 yang dinaikkan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian telahpun berbincang ataupun mengkaji sedalam-dalamnya bagi meningkatkan atau menaikkan kadar daripada \$2,000 kepada \$10,000 ini. Perkara ini talahpun diambilkira bahawa \$10,000 adalah suatu kadar yang bersesuaian dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa falsafah pindaan Rang Undang-undang Kebankrapan ini bukanlah untuk menghukum tetapi ianya adalah bertujuan untuk kita mengagihkan harta si penghutang itu supaya keadilan dapat dicapai.

Saya tidak berapa bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang bagaimana kita hendak melatih, bagaimana ketakutan kepada mereka yang hendak memulakan perniagaan dengan meminjam dari institusi kewangan. Sukalah saya menjelaskan bahawa kita telah lihat bagaimana agensi-agensi Kerajaan yang lain telahpun mengambil bahagian bagi membantu peniaga-peniaga ini, misalaya, Tabung Usahawan Bumiputera, adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk membela ataupun membantu peniaga-peaiaga atau entrepreneur yang dikirakan genuine, dengan izin, untuk menjalankan perniagaan.

Kerajaaa ada juga menjalankan latihan perniagaan. Kementerian Belia dan Sukan, misalnya, dan lain-lain Kementerian menjalankan proses mendidik ahli-ahli ataupun orang-orang yang bersedia untuk menjadi seorang ahli perniagaan. Dengan itu mereka akan dapat menguruskan perniagaan mereka dengan baik dan mereka tidak diisytiharkan bankrap kerana Kerajaan faham salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga terutamanya bumiputera ialah pengurusan syarikat itu sendiri pengurusan pengendalian itu yang dikira lemah yang menyebabkan mereka tidak mampu untuk menguruskan perniagaan.

Jadi, Kerajaan dalam menjalaakan usaha ini mengkaji seluruh aspek-aspek yang ada dan berusaha juga bagi membantu kegiatan bakal-bakal peniaga seperti Yang terhormat Tuan Haji Mohamed Nazri sebutkan tadi. Jadi, urusan \$10,000 ini telahpun dijelaskan bahawa

penilaian tingkat ini telah dinaikkan kepada peringkat yang dikira sesuai bagi meletakkan \$10,000 sebagai satu angka baru untuk seseorang itu boleh disyitiharkan sebagai bankrap.

Yang keduanya, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri juga menyebutkan Fasal 5 - enam bulan kita berikan kepada yang memegang cagaran. Ini adalah bertujuan bagi memulakan proses yang perlu diambil oleh kedua-dua belah pihak. Insya Allah, bahawa nilai harta yang dipegang itu akan ditetapkan oleh pihak Pemegang Harta dan tertakluk kepada lelongan biasa yang tidak akan merugikan sipenghutang. ini pengalaman. Saya pan ada pengalaman masa bekerja di Pejabat Tanah dahulu. Kita tidaklah begitu mudah untuk terus menerima harga yang diletakkan oleh orang yang berhutang dan orang yang memegang cagaran. Tetapi kita kirakan nilai yang harus diberi kepada cagaran yang dipegang itu supaya sipenghucang ini tidaklah teraniaya seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri kerana kita jaga kebaikan ini. perlu diambilkira.

Yang ketiganya ialah pertukaran alamat. Pertukaran alamat ini sebenarnya kalau sekiranya seseorang yang diisytiharkan bankrap itu berpindah dan tidak memberikan alamat barunya maka ini akan menyulitkan pihak pentadbir ataupun Pemegang Harta untuk menghubungi, mengagihkan harta yang ada padanya dan pengendaliannya. Dan juga tentang cadangan untuk mengadakan suatu denda, yang ini boleh dilakukan apabila dia diisytiharkan bankrap dan telah tercatat di dalam Raag Undang-undang ini. bahawa dia harus melaporkan dengan serta-merta kepada Pemegang Harta. Kalau dia tidak melaporkan, apabila dapat; dikesan, dia boleh diambil tindakan di bawah perkara

menghina mahkamah kerana keputusan telah dibuat dan tertakluk kepada Akta ini. Jadi, ini boleh dilakukan dan cadangan itu merupakan cadangan yang baik. Dan ini boleh dilakukan seperti yang saya sebutkan tadi dengan penghinaan mahkamah seperti yang tercatat dalam Rang Undang-undang.

Perkara yang keempat dalam seksyen 38, bagaimana kuasa diberikan kepada pegawai-pegawai imigresen untuk menahan pasport atau dokumen perjalanan orang yang berhajat hendak keluar negeri. Saya rasa lebih bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun bahawa setiap orang harus ada kebebasan bergerak. Mungkin ada orang yang perlukan dokumen perjalanan dan sebagai hak kebebasan bergerak dalam negara dan juga Luar negeri.

Jadi, ini bertujuan hendak melihat bagaimana seseorang itu boleh diambil tindakan. atau tidak, dan agak sukar bagi pihak Pemegang Harta untuk mengambil pasport atau dokumen perjalanan seseorang sebelum dia pergi ke lapanganterbang ataupun ke point hendak keluar, itu lebih mudah jika dia attempting mengambil tindakan hendak keluar negeri. Itu lebih mudah boleh disekat atau diambil pasport ataupun dokumen perjalanannya. Jadi, ini kita fikirkan bahawa suatu tempat yang sesuai, macam yaag disebutkan tadi kalau dia berpindah maka susah hendak berkesan di mana dia duduk. Maka salah satu tempat yang terbaik untuk pegawai imigresen ialah tempat di mana dia melaporkan diri headak keluar negeri. Jadi., ini kita Lakukan.

Tuan Rahim bin Baba: [Bangun]

Tuan Othman bin Abdul: Sila.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam undang-undang sekarang apabila seorang itu telah dideclare bankrap, beliau dikehendaki menyerahkan pasportnya kepada Official. Assignee. Saya fikir pindaan itu tidak begitu relevant kerana apabila dia telahpun diisytiharkan bankrap, mahkamah akan mengambil pasportnya dalam keadaan sekarang,

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan dalam ucapan awal saya tadi bahawa tidak ada peruntukan undang-undang sebelum ini yang membolehkan pegawai imigresen mengambil pasport itu. Cuma sekarang dilakukan ialah Pegawai Pemegang Harta akan meminta sahaja pegawai imigresen untuk menahan pasport tetapi tidak ada satu peruntukan pun. Dengan itu, orang yang berkenaan itu boleh mengambil tindakan undang-undang kepada orang yang memegang pasportnya atau dokumen perjalanan itu. Jadi, untuk memperkukuhkan itu maka kita memberikan peruntukan sekarang bahawa pegawai imigresen boleh mengikut peruntukan yang ada sekarang untuk menahan pasport ataupun dokumen perjalanan yang dipegang oleh seseorang.

Jadi, ini. saya ingin menjelaskan perkara yang ada kerana kita perlu mengawal pegawai-pegawai yang kita berikan kuasa sekarang supaya dia tidak diambil tindakan undang-undang yang memang dilakukan bersalahan dengan undang-undang. Jadi, sekarang ini dalam pindaan ini kita memasukkan kuasa itu diberikan kepada pegawai imigresen untuk menahan pasport ataupun dokumen perjalanan bagi seseorang yang diisytiharkan bankrap jika dia hendak keluar negeri.

Kepada Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun, saya hendak

menyatakan bahawa kalau Yang Berhormat telah sebutkan pindaan ini bersifat kapitalistik iaitu lebih memihak kepada sipenghutang yang memberi hutang iaitu creditors, memang saya rasakan bahawa kalau sekiranya kita mengambil tindakan bagi melindungi penghutang-penghutang yang terlalu banyak, sudah pasti orang yang memberi hutang, creditors tidak akan mengeluarkan, pinjaman atau memberi hutang. Jadi, sudah pasti pindaan-pindaan yang harus dilakukan ialah supaya sipenghutang, orang yang hendak berhutang mendapat pinjaman dengan dipersetujui oleh pihak yang akan memberi hutang.

Jadi, kedua-duanya harus diambilkira supaya kita dengan mudah untuk mendapatkan, ini berbalik kepada pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz bahawa kita juga meminda daripada akta yang ada peraturan-peraturan Bank Negara yang memudahkan pinjaman-pinjaman dilakukan. Jadi, kalau sekiranya terlalu banyak atau syarat-syarat yang terlalu ketat sehingga menyebabkan pihak institusi kewangan bagi mengeluarkan pinjaman maka yang akan rugi ialah peminjam kerana peminjam yang dilindungi keterlaluan sudah pasti orang tidak mahu memberi pinjaman. jadi, sudah pastilah kita perlu melihat beberapa kedudukan yang boleh memberikan kepentingan kedua-dua belah pihak.

Tentang kedudukan koperasi, bagaimana orang pencen, winding-up Of companies, dengan izin, ianya mempunyai suatu bentuk yang sama. Kalau sekiranya seorang pencen, dia pinjam wang, dia tidak ada keistimewaan pencennya untuk melindunginya daripada bankrap kerana dia juga adalah seorang yang biasa. Begitu juga dengan koperasi

ataupun syarikat, Kalau sekiranya syarikat-syarikat ini tidak dapat membayai hutang mereka, nrusan biasa akan dilakukan, koperasi-koperasi pun kalau sekiranya pihak institusi kewangan di mana dia mendapat pinjaman, jika institusi. kewangan mengambil tindakan untnk membankrapkan, maka ini adalah proses yang biasa dilakukan. Ini kita tetapkan bahawa tahap ini ialah had individu \$10,000 dan juga tidak terkecuali bagi orang-orang yang berpencen atau ada orang yang berpencen awal untuk menceburkan diri dalam perniagaan dan gagal, kemudian diisytiharkan bankrap, maka proses biasa sama ada EPFnya. ataupun wang simpanannya itu haruslah diagihkan mengikut prosedur biasa yang perlu dilakukan dalam pentadbiran kebangkrapan.

Tindakan yang bertindih, cagaran, lelongan dan juga bankrapsi. Jadi, dalam urusan ini saya rasakan bahawa urusan pertama ialah tuntutan oleh institusi kewangan yang ditujukan kepada orang yang mengambil pinjaman. Apabila tuntutan ini dibuat, cagaran itu ada dan dia tidak memenuhi segala permohonan daripada pihak yang mengeluarkan pinjaman, maka sudah pasti yang terakhirnya ialah melakukan lelongan ke atas harta yang dicagarkan oleh orang yang berhutang. Tidak boleh dilelong dahulu sebelum ianya melalui proses-proses yang perlu dibuat melalui mahkamah dan sebagainya.

Tentang pandangan remedi hendak mengeluarkan diri daripada bankrap ini, tidak ada jalan lain daripada seseorang itu menjelaskan keseluruhannya hutang-hutang yang telah diberikan oleh institusi kewangan melalui perintah mahkamah semula. Tidak ada jalan lain dengan jaminan dan sebagainya. Ini merupakan pandangan Yang Berhormat yang saya rasakan kalau pihak institusi kewangan boleh menerima, itu tidak menjadi masalah kepada Kerajaan. Jika sekiranya Yang Berhormat boleh mengeluarkan seorang jutawan untuk memberi jaminan bahawa orang ini akan menjamin saya. Jika sekiranya bank atau institusi kewangan itu boleh menerima, jadi Kerajaan tidak ada perkara yang boleh kita hendak mecegahnya. Ini bergantung kepada usaha kedua-dua belah pihak melalui mahkamah untuk memutuskan perkara-perkara yang mereka ada.

Soal pasport ini. saya telahpun jawab tadi. Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah membangkitkan tentang orang yang bankrap kemudian kaya semula, bankrap lagi dan kaya semula. Ini saya rasa Kerajaan pun memang ada melihat tentang perkara **ini**. Memang terdapat manusia yang seperti ini, orang yang berhutang kemudian dia bankrapkan dirinya dan kemudian membuka perniagaan baru di atas nama anak dan isterinya. Memang terdapat dan ada individu tertentu yang melakukan perkara ini. Jadi, ini memang suatu amalan yang tidak baik yang dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab dan sudah pasti Kerajaan harus menimbangkan perkara dan tindakan-tindakan yang boleh diperlakukan kepada orang seperti ini. Jadi, dia melakukan ini sudah pasti dengan aturan-aturan yang cantik, yang supaya tidak boleh diambil tindakan terhadapnya kerana dilakukan dengan begitu baik seperti Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad sebutkan tadi. Dia simpankan duit **ini**. di atas nama anak atau isterinya. Jadi, apabila dia dibankrapkan maka dia akan menjadi seorang manusia bankrap seperti manusia lain. Tetapi sudah pasti anaknya atau ahli. keluarga yang lain akan terus menjalankan perniagaan. ini amalan yang memang terdapat dan kita menyedari tentang perkara ini.

Perkara penjamin - saya hendak menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa harus difikirkan bahawa penjamin ini sudah dijelaskan di dalam surat-surat jaminan bahawa penjamin adalah bertanggungjawab yang sama dengan orang yang kita jamin. Jadi,

kalaulah sekiranya kita menjamin seseorang bahawa kita merestui dan bertanggungjawab seluruhnya, kita mampu, ataupun menyerahkan segala kedudukan kita, makna kata kita sanggup untuk membayar beban hutang orang yang kita jamin.

Dengan sebab itulah saya hendak menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat, kita harus berhati-hati dalam soal hendak menjamin orang-orang mungkin saudara-mara sendiri pun kerana orang yang menjamin, penjamin itu adalah bertanggungjawab samalah dengan orang yang kita jamin. Jika dia tidak dapat bayar maka pihak yang memberi hutang, jika kita menjamin biasiswa kepada seseorang Kerajaan pun akan tuntutan daripada penjamin yang pertama dan kedua. Ini sekali lagi. saya hendak menasihatkan bahawa kita harus berhati-hati di dalam soal kita hendak menjamin seseorang itu.

Tuan Yang di-Pertua,. saya mengambil kesempatan sekali. lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang baik kepada pindaan Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada. Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang diLaporkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG, UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.58ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (wilayah Persekutuan) 1984, bagi memperluaskan pemakaian Akta itu ke Wilayah Persekutuan Labuan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1991 bertujuan untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Akta 303, supaya Akta tersebut terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 didapati tidak terpakai bagi Wilayah Persekutuan, Labuan kerana pada masa Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 diluluskan pada 23hb Mac, 1984

Wilayah Persekutuan Labuan belum lagi diwujudkan. Wilayah Persekutuan Labuan hanya wujud pada 16hb April, 1984 iaitu melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984. Sehubungan dengan itu, takrif (Wilayah Persekutuan) yang terdapat di dalam Akta tersebut bermaksud Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Oleh yang demikian, cara yang teratur dan sah bagi memperluaskan "pemakaian Akta tersebut ke Wilayah Persekutuan Labuan ialah dengan membuat pindaan kepada Akta tersebut iaitu sebagaimana yang dikemukakan di Dewan ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di sini sukacita saya memberikan sedikit penjelasan mengenai Rang Undang-undang ini:-

- (a) Fasal 2 bertujuan meminda Seksyen 1 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 untuk menampakkan pindaan dan perluasan yang dicadangkan;
- (b) Fasal 3, bertujuan meminda takrif "enakmen pentadbiran" yang terdapat di dalam seksyen 2 Akta tersebut. Takrif tersebut perlu dipinda memandangkan mula berkuatkuasanya Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1981, 1984, 1988 dan perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian dan Perluasan Enakmen. Pentadbiran Hukum Syarak) 1985 dan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1984.

Fasal ini juga memperuntukkan takrif-takrif "Wilayah Persekutuan" dan "Wilayah-wilayah Persekutuan".

Fasal 5 dan 6 bertujuan meminda seksyen 52 (1)(k) dan 53(1) Akta tersebut supaya Ordinan Lunatik Sabah Bab 74 dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sabah Bab 123 dapat dimasukkan ke dalam seksyen-seksyen masing-masing kerana ini adalah undang-undang di Wilayah Persekutuan Labuan.

Dengan penguatkuasaan pindaan ini, Bahagian VI, VII, seksyen 155, 156, 158, 159, 160 dan Perenggan (n) dalam Seksyen 178 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor tidak diperlukan lagi dan dengan yang demikian adalah dimansuhkan dan terhenti terpakai mulai Fasal 8 bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Pindaan-pindaan lain yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat perubahan-perubahan kecil atau yang berbangkit kepada Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Rang Undang-undang Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1991 di atas adalah perlu supaya pemakaian Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dapat diselaraskan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Timbalan Yang di-Pertua.: Penyokong?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: AhLi-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Parsekutuan) 1984 bagi memperluaskan pemakaian Akta itu ke Wilayah Persakutuan Labuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Tuan Rahim Baba. 6.03 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana,di beri peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membincangkan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Parsekutuan) 1984 bagi memperluaskan pemakaian akta itu ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam membincangkan Aktya ini saya ingin memberikan pandangan-pandangan dan juga mendapatkan penjelasan-penjelasan daripada pihak Kementerian mengenai soalan-soalan yang ada kaitan dengan keluarga Islam, JAWI dan juga sebagainya khasnya di Wilayah Parsekutuan Kuala Lumpur dan juga Labuan. Terutamanya saya iagin menimbulkan soal masa hadapan Sekolah Agama Rakyat.

Kita faham bahawa sekarang ini banyak Sekolah Agama Rakyat telahpun didirikan termasuk juga di Wilayah Persekutuan, di Kuala Lumpur dan juga di Labuan. Apa yang ingin saya tanyakan ialah apakah masa depan Sekolah Agama Rakyat ini. Mengikut laporan Suruhanjaya yang membuat kajian mengenai sekolah-sekolah persendirian, lebih kurang 200,000 orang murid-murid sekarang ini belajar di Sekolah Agama Rakyat. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian apakah pelajaran yang dipelajari oleh anak-anak kita di sekolah biasa tidak mencukupi untuk beliau itu menjadi seorang islam yang

baik. Kerana sebagai ibu bapa kadangkala anak-anak kita selepas sahaja bersekolah di sekolah biasa, mereka itu akan dihantar ke Sekolah Agama Rakyat di antara jam dua sampai jam lima. Jadi bermakna kanak-kanak Islam mungkin apa yang dipelajari di sekolah Agama Rakyat itu sukatan pelajarannya sama dengan apa yang telahpun dipelajari di sekolah biasa, di sekolah formal. Jadi mungkin berlaku pertindihan dan mungkin juga berlaku pembaziran masa kepada kanak-kanak ini. Jadi, agak susah.

Jadi tidaklah hairan berlaku persaingan dari segi pendidikan kanak-kanak yang bukan Islam kerana mereka itu dapat belajar lebih, mereka itu mendapat keputusan yang baik di dalam pelajaran-pelajaran mereka. Dan juga didapati bahawa sukatan pelajaran Sekolah Agama Rakyat ini berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Jadi, kalau hendak diadakan juga kita harapkan supaya diselaraskan dan kalaulah difikirkan pelajaran empat waktu di sekolah formal tidak mencukupi untuk melahirkan seorang Islam yang tahu sembahyang, puasa ataupun sebagainya. Kita mencadangkan supaya empat pelajaran ini ditambah supaya tidaklah berlaku duplication, dengan izin, pagi dia belajar di sekolah biasa selepas itu petang terpaksa pula pergi ke Sekolah Agama Rakyat.

Perkara yang kedua yang ingin saya tanyakan ialah mengenai soal dakwah, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telahpun menyatakan semalam semasa menjawab iaitu untuk menjadi sebagai seorang pendakwah mestilah mempunyai 11 syarat, kalau tidak silap sayalah, kalau saya masih ingat lagi dan kebanyakan kita ini tidak ada mencukupi syarat itu. Dan cuma yang saya ingin bertanyakan ialah

apakah dakwah yang kita adakan ini hanya khas untuk orang-orang Islam sahaja. Saya menimbuilkan ini kerana saya berpendapat bahawa Islam ini bukan untuk orang-orang Melayu sahaja. Islam ini adalah untuk semua orang. Saya dapati kalau misalaya upacara-upacara agama kita khasnya di Wilayah Persekutuhan ini kaau ada jemputan, l biasanya dijemput mengacakan "kaum muslimin dan muslimat dijemput hadir. Apakah yang bukan Islampun tak boleh nak turut sama, hendak dengan syarahan-syarahan, hendak dengar masa kita syarahan Maalud Nabi ataupun sebagainya. Setengah-setengah itu mungkin dengan fikirna terbuka ingin hendak mendengar.

Saya menimbuilkan ini kerana baru-baru ini saya pergi ke Germany. Saya singgah di Hamburg. Saya singgah di sebuah mesjid, dalam masa saya berjogging di petang itu, saya berjumpa sebuah mesjid. Jadi saya telahpun melawat ke mesjid itu sekejap dan bertanyakan dengan imam yang menjaga mesjid itu. Saya dapati ada satu bilik syarahan dan saya katakan kerana penduduk islam di sini tidak ramai, jadi apakah perlunya adabilik syarahan yang sebegitu besar dan Luas, dan dia kata apabila mereka itu mengadakan syarahan agama ataupun penerangan-penerangan agama, mereka yang bukan beragama Islampun dijemput sekali, sama ada boleh berbahas ataupun berbincang dan sebagainya, jadi memberikan kesempatan kepada mereka itu. Jadi saya berharap jugalah khasnya Jabatan Agama Islam Wilayah jika dalam usaha kita berdakwah saya harap dapat kita meniru stail ABIM yang ada di Jalan Ampang di mana siapa sahaja dipersilakan untuk datang mendengar syarahan-syarahan, ucapan-ucapan ataupun penerangan-penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, JAWI ataupun Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telahpun menubuhkan Pusat Khidmat Sosial di masjid-masjid yang dibuka antara jam lima sampai jam tujuh petang. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan bagaimanakah kesannya Pusat Khidmat Sosial ini kepada masyarakat kita mendapatkan penjelasan mengenai sambutan dan juga sebagainya.

Satu perkara yang banyak ditimbulkan di Wilayah Persekutuan ialah soal kurangnya imam jurunikah di Wilayah Persekutuan, satu masjid hanya seorang sahaja imam jurunikah dan ini telah menimbulkan satu masalah kerana biasanya orang nikah kahwin ini dibuat dalam musim-musim yang tertentu, jadi imam yang ada tidak mencukupi. Kadangkala pengantin yang hendak bernikah terpaksa menunggu daripada jam lapan malam sampai ke esok pagi, sampai jam dua belas ataupun jam satu pagi. Kadang-kadang tak sabar pengantin-pengantin itu menunggunya. Jadi diharapkan pihak JAWI dapat menyegerakan, kerana saya difahamkan telahpun hampir setahun temuduga telahpun diadakan oleh pihak JAWI tetapi belum juga lagi diberikan keputusan tentang kedudukan jurunikah-jurunikah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah soal nikah cerai. Soal Undang-undang Keluarga Islam, saya telahpun difahamkan mengambil masa yang begitu lama. Ada pasangan-pasangan. yang telahpun bersetuju untuk bercerai, tetapi apabila pergi ke rumah Tok Kadi atau Pejabat Agama, mereka itu dinasihatkan supaya berfikir dahulu dan datang balik dalam masa dua atau tiga bulan. lagi. Selepas tempoh dua tiga bulan mereka datang dengan keputusan. yang sama, mereka disuruh lagi berfikir balik sama ada ingin meneruskan perceraian ataupun tidak, walaupun pasangan itu telahpun. bersetuju untuk bercerai. Biasanya dalam soal ini, yang lebih tersiksa ialah kaum wanita. Yang lelakinya, biasanya dia boleh pasang dua tiga dan yang wanitanya yang biasanya menjadi mangsa. Saya berharap supaya satu sistem. dapat disegerakan dan kadangkala yang lebih menjadi mangsa ialah soal anak-anak yang tidak terbela dan juga tidak mendapat pembelaan kerana biasanya suami dalam masa lima enam bulan itu tidak mempedulikan soal tanggungjawab untuk memberikan nafkah dari segi kewangan dan sebagainya. Jadi diharapkan supaya satu sistem dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah timbulkan, walaupun perkara ini perkara kecil, iaitu soal cabutan nombor bertuah. Adakah pihak Treasury telahpun menasihatkaa pihak-pihak penganjur tidak membenarkan cabutan nombor bertuah lagi? Saya ingin tahu apakah ini telahpun menjadi dasar, kerana saya faham, dari segi undang-undang Islam memang bila ada elemen nasib itu memang tidak

digalakkan atau tidak dibenarkan. Tetapi kalau betul-betul Kerajaan sudah tidak hendak lagi cabutan nombor bertuah ini, kita kena buat satu pengumuman supaya tidak ada timbul, yang itu boleh dan yang ini tidak boleh dan sebagainya

Tuan Yang di-pertua, cuma itu sahajalah pertanyaan-pertanyaan dan pandangan-pandangan saya dalam membahaskan Rang Undang-undang Keluarga Islam ini dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Haji Mohamed Nazri.

6.14 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri **bia Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soal Rang Undang-undang Keluarga Islam ini, saya cuma hendak menarik perhatian Setiausaha Parlimen dalam soal penguatkuasaan hukuman Mahkamah Syariah. Kita tahu bahawa banyak cerita yang dikeluarkan di mana pihak kaum wanita menghadapi masalah setelah berlakunya perceraian. Yang kita lihat bahawa kadangkala mahkamah ini ataupun Pejabat Kadi, seolah-olah mereka memikirkan bahawa apabila hukuman diturunkan, maka sudah habis masalah kepada mereka, Soalnya ialah, memang betul hukuman itu, tetapi soal penguatkuasaan hukuman itu harus difikirkan juga kerana mangsa perceraian, apatah lagi kalau wanita dengan anak-anak mereka, kalau sekiranya hukuman mahkamah itu tidak dilaksanakan oleh pihak yang satu lagi, maka ke manakah orang ini akan mengadu? Kalau kita tidak memperkuatkan penguatkuasaan hukuman Mahkamah Syariah, saya rasa segala hukuman yang diturunkan oleh Mahkamah Syariah itu hanya dianggap sebagai satu perkara yang tidak perlu dipatuhi. Saya tidak nampak Rang Undang-undang lengkap di sini, cuma saya "berharap bahawa

Rang Undang-undang Keluarga Islam ini hendaklah dimasukkan. satu seksyen yang mana mengambil berat dan memberi perhatian kepada soal penguatkuasaan. hukuman Mahkamah Syariah. Maknanya, kalau suatu hukuman itu telah diturunkan dan tidak dilaksanakan, maka mesti ada sesuatu yang boleh dilakukan oleh Pejabat Kadi untuk menguatkuasakan hukuman **ini**. Jadi saya minta Setiausaha Parlimen menarik perhatian. beliau di dalam masalah ini supaya di masa-masa akan datang semua masyarakat Islam akan akur dan patuh di atas keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah.

Maka dengan sedikit teguran itu saya menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: sila Setiausaha Parlimen menjawab.

6.17 ptg.

Tuan. Othman bin Abdul: Tuan Yang di-PerCua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan. Rahim Baba dan juga Tuan Haji Mohamed Nazri yang mengambil bahagian dalam perbincangan ini Walaupun Yang Berhormat Tuan Rahim Baba telah lari jauh daripada pokok perbincangan, iaitu kita sedang membincangkan soal pindaan. Rang undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, pemakaian di Labuan. Walau bagaimanapun, saya inginlah menjawab sedikit sebanyak tentang masa depan. Sekolah-sekolah Agama Rakyat. Sekarang keinginan masyarakat Islam ialah mengenai pendidikan Islam. Dengan sebab itu kita dapati. ramai waris-waris sangat ingin untuk menghantar anak-anak mereka untuk belajar di Sekolah-sekolah Agama Rakyat dan

Kerajaan. sememangnya menggalakkan dan berusaha untuk menyelaraskan Memang Kerajaan berusaha untuk menyelaraskan pentadbiran Sekolah-sekolah Agama Rakyat, tetapi kerana bidang kuasa pentadbiran ini adalah terletak pada Kerajaan Kerajaan Negeri, maka sudah pasti agak sukar untuk Kerajaan menjalankan kegiatan seperti yang disebutkan itu.

Walau bagaimanapun, dengan tertubuhnya suatu lembaga baru yang dinamakan LEPAI dan baru sahaja dilantik pegawai-pegawai menganggotai LEPAI ini, insya Allah, segala guru yang berkecukupan semuanya ini akan dapat diuruskan oleh pihak LEPAI dengan bayaran gaji yang akan diberikan oleh Kerajaan. Yang kita kehendaki cuma pihak Kerajaan Negeri boleh mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Pusat melalui LEPAI dan kita akan mentadbirkan urusan ini.

Saya hendak menjelaskan tentang adakah tidak cukup pendidikan pelajaran di sekolah menyebabkan anak-anak kita dihantar untuk mengaji di Sekolah Agama Rakyat, misalnya. Saya hendak menjelaskan bahawa ini suatu pandangan yang tidak harus ada pada umat Islam, kerana menghantar anak ke sekolah itu bukanlah perkara yang terakhir yang boleh kita letakkan anak kita untuk mendapatkan ilmu pengetahuan termasuklah ilmu pengetahuan Islam ini kerana tanggungjawab sebenarnya ialah kepada ibu bapa yang jarang kita persoalkan. Kalau kita memandang Islam ini, kita lihat bagaimana Rasulullah menyebutkan, yang bermaksud: Anak-anak yang dilahirkan adalah dalam keadaa fitrah, dan ibu bapalah yang bertanggungjawab hendak menjadikan anak itu Yahudi, Nasrani atau Majusi - ibu bapa.

Bukan tanggungjawab sekolah itu untuk menjadikan anak itu mendapat education sepenuhnya. Sekolah-sekolah ini adalah sebagai tambahan. yang harus kita jadikan tempat yang kita letakkan formal education, dengan izin. Dengan sebab itu yang lainnya adalah merupakan tanggungjawab ibu bapa untuk memberikan pendidikan tambahan dari segi ilmunya, akhlaknya, bagi garisan pertamanya ialah soal ini yang harus ditingkatkan.

Soal dakwah yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya mengambil pedoman atau nasihat. daripada Mohamad Abdul seorang ulamak yang terkenal tentang syarat-syarat itu. Memang betul bahawa syarat ataupun. dakwah ini bukan hanya patut ada di kalangan orang Islam sahaja tetapi harus disebarkan kepada seluas mungkin dalam masyarakat dunia ini. Tetapi kerana ada persolan masalah yang melanda masyarakat Islam itu seridiri, maka sekarang sebab itulah Kerajaan pun Cerpaksa mengambil tindakan, misalnya dalam usaha untuk membentuk masyarakat penyayang, kita belanjakan \$18 juta peruntukan yang diberikan untuk menjadikan semua ini. Usahanya adalah hendak berdakwah supaya masyarakat kita sayang menyanyangi di antara satu sama lain. Ini penyakit yang ada dalam masyarakat kita yang harus dibaiki. Tetapi saya hendak jelaskan bahawa memang tanggapan Yang Berhormat itu bahawa berdakwah itu bukan sahaja di kalangan orang-orang Islam tetapi memanglah luas terbuka.

Walau macam manapun kita harus perbaiki kita dulu sebelum kita bercakap Islam kepada orang lain. Sekarang kita rasa malu, kalau saya hendak berdakwah, hendak ajak rakan-rakan kita yang bukan Islam kita rasa malu kerana keadaan masyarakat Islam di Malaysia sendiri pun masih ada maki-memaki, caci-mencaci dalam masyarakat kita sendiri. Ini berlaku. Jadi ini perlu diperbaiki. Dengan sebab itu kita tumpukan sekarang di bahagian ini untuk membaiki kita dan insya Allah itu kita akan lanjutkan. Pusat Khidmat yang Yang Berhormat sebutkan itu memanglah mendapat sambutan bagaimana Pusat Khidmat Sosial yang dtsebutkan itu memang mendapat sambutan dan kita akan teruskan. Pihak JAWI akan teruskan melalui masjid-masjid.

Kekurangan Pendaftar Nikah Cerai. Imam Kahwin **ini**. tidak **ada**. Dia tidak sebut Imam Kahwin, tetapi Pendaftar Nikah Cerai. Perkara ini insyaAllah, pihak Kerajaan melalui JAWI akan mempercepatkan proses **i n i**. Memang kita tahu ianya merupakan satu kesulitan yang ada.

Kemudian dalam soal perkahwinan suami isteri, yang Yang Berhormat sebutkan sampai kepada Kadi, satu pasang manusia yang hendak bercerai. Sudah pasti Kadi itu tidak akan terus membenarkan kerana perkara yang paling baik ialah menasihatkan kumpulan itu supaya barbaik-baik semula dan menasihatkan mereka supaya masuk counseling bagaimana hendak memperbaiki hubungan keluarga itu supaya mereka dapat mengembalikan kehidupan kerukunan rumah tangga. Adalah

menjadi satu perkara yang mengaibkan kalau sekiranya ada juga manusia yang menganjurkan perceraian dalam Islam. Ini seperti merobohkan satu institusi keluarga. Jadi, walaupun memang memakan masa sedikit panjang, kerana memang nasihat ini perlu diberikan dan memang agama itu, dengan izin, agama itu adalah nasihat. Sebab itu, Islam ini "Ad-din" - nasihat. Kita nasihatkan terlebih dahulu supaya manusia atau pasangan yang hendak bercerai itu sedar akan kesulitan yang akan menimpa anak-anak mereka apabila perceraian berlaku sepertimana Yang Berhormat sebutkan. Memang betul bahawa perkara itu akan berlaku.

Kemudian, cabutan nombor bertuah. Jika sekiranya ada unsur-unsur perjudian, adu nasib maka ianya adalah merupakan satu perkara yang haram di sisi agama islam dan ini tidak perlu kita persoalkan jika sekiranya ada unsur-unsur perjudian, unsur-unsur mengadu nasib misalnya. Ini sudah mutlak dan tidak payah lagi kita mengeluarkan satu pekelilingan yang mengharamkan cabutan nombor bertuah dan sebagainya. Kalau sekiranya ada unsur-unsur itu, maka sudah pasti mutlak hukumnya telah ada di sisi Islam.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri menyentuh soal penguatkuasaan. Apabila sesuatu kes itu diputuskan oleh mahkamah dan tidak dipatuhi oleh mana-mana pihak maka mana-mana pihak yang tidak rasa puas hati, yang tidak berpuas hati boleh kembali semula merujuk kepada hakim iaitu kalau hakim di sini ialah Kadi ataupun Kadi Besar atau Mufti yang menghakimkan dan akan dilakukan proses-proses Lain bagi mendakwa orang yang tidak mahu mematuhi keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah seperti proses biasa dalam mahkamah-mahkamah lain pun kita boleh ambil tindakan semula dan pasangan ini boleh mengadu balik kepada mahkamah yang membicarakan mereka.

Jadi itulah penjelasan ringkas saya. Saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi sedikit ingatanlah ada lagi beberapa rang undang-undang yang akan kita bahas dan diluluskan. Saya ingat hari ini dan esok. Jadi sesiapa yang hendak bercakap selepas seorang Ahli Yang Berhormat bercakap haraplah bangun cepat-cepat. Macam tadi apabila saya tengok kiri-kanan tiada saya terus menjemput Setiausaha Parlimen menjawab. Selepas Setiausaha bangun dan menjawab barulah ada dua Ahli Yang Berhormat lagi yang hendak bercakap. Jadi saya harap ada sedikit kerjasama dalam perkara ini, supaya tidak berlaku lagi. Saya ingin memberi peluang tetapi terlambat sedikit agaknya dalam dua tiga saat sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang..

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada piadaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG
KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) (NO.2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.28 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No.2) 1992 di baca kali kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No.2) 1992 ini bertujuan untuk membolehkan beberapa peruntukan dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 dikuatkuasakan mulai 1.1.1992. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat lagi Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada persidangan yang baru lalu dalam mana ianya telah dibincang dan dibahaskan dengan panjang lebar dan diluluskan. Memandangkan isi kandungan Akta masih segar dalam ingatan Ahli-ahli Yang Berhormat dan untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini adalah wajar Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No.2) 1992 yang dibentangkan kali ini tidak dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, antara peruntukan-paruntukan penting dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada persidangan yang baru lalu itu termasuk:

- (1) Memperluaskan skop bencana kerja untuk meliputi kemalangan yang berlaku semasa dalam perjalanan pergi atau balik kerja umpamanya supaya parlindungannya lebih bermakna lagi.

- (2) Mengurangkan syarat kelayakan caruman bagi faedah-faedah di bawah Skim Pencen Ilat supaya lebih ramai lagi pekerja dan tanggunggann mereka dapat menikmati faedah-faedah di bawah skim itu.
- (3) Memperbaiki tempoh bayaran Pencen Ilat; dan
- (4) Melonggarkan syarat kebergantungan ibu bapa atau datuk-nenek untuk tujuan kelayakan faedah orang tanggungan atau pencen penakat supaya menyenangkan lagi mereka memenuhi syarat kelayakan bagi faedah-faedah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 telah diwartakan pada 20.2.1992. Menteri Sumber Manusia berhasrat untuk menguatkuasakan beberapa peruntukan dalam Akta itu khususnya mengenai empat perkara yang saya sebutkan tadi mulai 1.1.1992 memandangkan ia akan memberi manfaat kepada perkara-perkara dan tanggungan mereka Lebih awal lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh sambung esok ya.

Dato' M. Mahalingam: Boleh. Terima kasih.

Timbalaa Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok, Rabu 3.6.1992.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

